

DAPATKAN Kalendar 2026
di dalam

PMKS perlu adaptasi kecanggihan Kecerdasan Buatan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan selamat petang

TERLEBIH dahulu saya ingin merakamkan penghargaan setinggi-tinggi kepada Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei selaku penganjur majlis pada hari ini dengan sokongan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Negara Brunei Darussalam serta Majlis Penasihat Perniagaan Brunei, ASEAN, APEC dan BIMP-EAGA. Saya juga mengucapkan terima kasih atas jemputan yang diberikan kepada saya untuk menyampaikan ucapan utama ini.

Saya ingin memulakan ucapan ini dengan merakamkan penghargaan atas usaha kerjasama yang erat antara Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) bersama majlis-majlis penasihat perniagaan dan dewan perniagaan melalui Program Perkongsian PMKS. Perkongsian ini mencerminkan komitmen bersama dalam mempertingkatkan lagi keseluruhan persekitaran perniagaan dan seterusnya di dalam menangani isu-isu kritikal yang dihadapi oleh para komuniti perniagaan di negara ini termasuk Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta syarikat-syarikat yang baharu untuk bermula. Melalui siri mesyuarat perundingan, meja bulat dan sesi dialog sebuah platform yang berteraskan persefahaman bersama serta keselarasan kepentingan telah berjaya diwujudkan.

Siri Meja Bulat (PMKS) ini mencerminkan semangat kerjasama tersebut dengan berperanan sebagai satu platform yang berkesan untuk menghubungkan, melibatkan

serta membincangkan penyelesaian bersama pihak berkepentingan daripada sektor awam dan swasta. Usaha-usaha ini tidak terhad di Negara Brunei Darussalam sahaja, malah diselaras dengan peluang serantau melalui inisiatif Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC, sekali gus membolehkan perniagaan tempatan kita memanfaatkan rangkaian yang lebih luas, berkongsi amalan terbaik serta meletakkan perniagaan negara pada kedudukan yang berdaya saing dalam landskap ekonomi serantau yang dinamik.

Oleh yang demikian, ini adalah suatu keistimewaan bagi saya untuk berada di sini bersama tuan-tuan dan puan-puan di Meja Bulat PMKS Ke-2 di mana kita berhimpun bagi mengadakan dialog strategik yang menumpukan kepada cabaran tenaga manusia dan pembangunan tenaga kerja. Isu-isu ini merupakan teras kepada daya saing PMKS serta aspirasi negara kita di bawah Wawasan Brunei 2035, iaitu untuk membangunkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, produktif dan berdaya menyesuaikan diri bagi memenuhi keperluan ekonomi yang dinamik dan mampan.

PMKS merupakan tulang belakang kepada ekonomi domestik Negara Brunei Darussalam, merangkumi lebih daripada 93 peratus perniagaan sektor swasta yang menggaji sebahagian besar tenaga kerja negara. Dengan lebih daripada 6,400 PMKS yang aktif merangkumi sektor perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan makanan, pembuatan serta sektor digital yang sedang berkembang. Perusahaan-perusahaan ini merupakan tonggak utama kepada agenda kepelbagaian ekonomi Negara Brunei

Darussalam.

Berdasarkan kajian tenaga kerja Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2024, populasi penduduk dalam lingkungan umur bekerja di negara ini dijangka seramai 346,000 orang dengan kadar penyertaan tenaga kerja yang memberangsangkan iaitu 67.4 peratus. Walaupun kadar pengangguran telah menurun kepada 4.7 peratus, PMKS masih berdepan dengan cabaran tenaga kerja yang berterusan termasuk aspek pengambilan pekerja, pengekalan bakat, serta menangani jurang kemahiran dalam pengoperasian, teknikal dan digital.

Dapatan terkini daripada Kajian Berasaskan Majikan yang dilaksanakan oleh Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan menunjukan satu trend di mana lebih 60 peratus majikan menghadapi kesukaran dalam mengekalkan pekerja kerana pekerja tempatan cenderung mencari imbuhan yang lebih baik serta peluang kemajuan kerjaya yang lebih luas. Walaupun perkara ini membimbangkan pergerakan ini juga mencerminkan kewujudan tenaga kerja yang beraspirasi tinggi dan proaktif dalam usaha mencapai pembangunan diri. Justeru cabaran kita bukanlah untuk menyekat pergerakan tersebut, sebaliknya untuk memperkasa PMKS agar dapat menawarkan laluan kerjaya yang lebih menarik selaras dengan aspirasi negara.

Selain isu pengekalan pekerja, PMKS juga secara konsisten menyuarakan kebimbangan berkaitan proses tenaga kerja, khususnya mengenai tempoh pengambilan pekerja asing yang berpanjangan. Keadaan ini mencerminkan kebergantungan struktur dalam sektor-sektor tertentu yang masih kekurangan kemahiran tempatan yang



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei semasa berucap pada Majlis Siri Meja Bulat PMKS Kali Ke-2 yang berlangsung di salah sebuah hotel di Kiulap.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah

mencukupi. Walaupun kebergantungan ini perlu diurus secara strategik di samping usaha berterusan untuk membangunkan keupayaan tempatan, kelewatan dalam proses tidak seharusnya mengekang pertumbuhan perniagaan.

>> Muka 11

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER	HARI	REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
MASIHI	HARI	HILIRAH								
31	RABU	10	4.54	5.04	6.28	6.52	12.24	3.46	6.18	7.33
1	KHAMIS	11	4.55	5.05	6.28	6.52	12.25	3.46	6.19	7.34
JANUARI										
2	JUMAAT	12	4.55	5.05	6.29	6.53	12.25	3.47	6.19	7.34
3	SABTU	13	4.56	5.06	6.29	6.53	12.26	3.47	6.20	7.34
4	AHAD	14	4.56	5.06	6.30	6.54	12.26	3.48	6.20	7.35
5	ISNIN	15	4.57	5.07	6.30	6.54	12.27	3.48	6.21	7.35
6	SELASA	16	4.57	5.07	6.30	6.54	12.27	3.49	6.21	7.36

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
RABU			KHAMIS			JUMAAT				
Bandar Seri Begawan										
30	24	°C	29	24	°C	31	23	°C		
Pekan Bangar										
30	24	°C	29	24	°C	30	23	°C		
Pekan Tutong										
30	24	°C	29	25	°C	31	24	°C		
Kuala Belait										
30	24	°C	29	25	°C	31	24	°C		

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 31 DISEMBER 2025

Perbaharui tekad jalani kehidupan lebih bermakna

BERMULA esok kita akan melangkah ke Tahun Baharu Masihi 2026 di mana ia merupakan satu detik permulaan baharu dalam kehidupan. Bagi umat Islam, Sambutan Tahun Baharu Masihi bukan sekadar perayaan sosial tetapi peluang untuk bermuhasabah dan memperbaharui tekad dalam menjalani kehidupan yang lebih bermakna. Walaupun ia bukan perayaan dalam kalendar Islam, umat Islam digalakkan mengisinya dengan amalan yang mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam Islam, setiap detik kehidupan adalah ruang untuk memperbaiki diri. Maka menyambut tahun baharu dengan doa, solat berjemaah dan perbincangan keluarga mengenai perancangan hidup adalah lebih bermakna daripada sekadar hiburan. Ia juga menjadi masa yang sesuai untuk menetapkan azam baharu yang berlandaskan nilai-nilai murni dan syariat Islam.

Azam tahun baharu bukan hanya tentang cita-cita besar tetapi juga perubahan kecil yang konsisten. Umat Islam digalakkan menetapkan matlamat seperti memperbaiki kualiti solat, memperbanyakkan bacaan Al-Quran, memperkukuh hubungan kekeluargaan serta meningkatkan amal kebajikan. Dalam masa yang sama, aspek duniawi seperti kesihatan, kewangan, dan kerjaya juga boleh dijadikan azam, asalkan tidak bercanggah dengan ajaran agama.

Tahun baharu juga menandakan permulaan sesi persekolahan. Justeru, persediaan anak-anak untuk kembali ke sekolah menjadi keutamaan bagi ibu bapa. Persiapan bukan sekadar membeli pakaian seragam dan alat tulis tetapi juga melibatkan persediaan mental, emosi dan rohani. Anak-anak perlu dibimbing untuk memulakan tahun persekolahan dengan semangat, disiplin dan matlamat yang jelas.

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk sikap positif anak-anak terhadap pembelajaran. Galakan, doa, dan sokongan moral mampu meningkatkan keyakinan diri mereka. Menetapkan rutin harian yang seimbang antara belajar, bermain dan beribadah juga membantu membina persekitaran yang kondusif untuk kecemerlangan.

Tahun baharu adalah peluang kedua yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk kita memperbaiki diri. Dengan semangat hijrah, azam yang jelas, dan persediaan yang rapi, umat Islam dapat melangkah ke tahun 2026 dengan lebih yakin dan berkat. Semoga tahun baharu ini menjadi titik tolak kepada kehidupan yang lebih cemerlang, seimbang dan diredai. *Amin Ya Rabbal Alamin.* – **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

RAKYAT, PENDUDUK NBD DI UK, IRELAND MENJUNJUNG KEBERANGKATAN RAJA TERCINTA



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Pg. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

LONDON, UNITED KINGDOM, Ahad, 28 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha

Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) di United Kingdom (UK) dan Ireland, hari ini.

Berangkat sama ke majlis tersebut yang berlangsung di Royal Lancaster Hotel, London ialah kerabat diraja.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) di United Kingdom (UK) dan Ireland yang berlangsung di Royal Lancaster Hotel, London (atas kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri, baginda berkenan menerima pesambah berupa sebatang raket badminton bersama sarung khas.

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dijunjung dengan penuh hormat oleh Pesuruhjaya Tinggi NBD ke UK dan Ireland, Tuan Yang Terutama Laksamana Pertama (B) Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad dan isteri, Pengiran Datin Noralam binti Pengiran Haji Kahar.

Menjunjung sama, Yang Dipertua Persatuan Penuntut-penuntut NBD - Brunei Students' Union (BSU), Dayangku Nabilah binti Pengiran Behrin serta Naib Yang Dipertua BSU, Dayang Zuhrah Fatin Aina binti Mohammad Shukri.

Suasana penuh kemesraan dan keceriaan amat terserlah apabila Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri bercemar duli meluangkan masa beramah mesra bersama wakil para penuntut sebelum majlis bermula.

Baginda berdua kemudiannya berkenan menandatangani Lembaran Kenangan dan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari bersama perwakilan penuntut, yang mana keberangkatan baginda berdua juga mencerminkan keprihatinan dan pemedulian terhadap para penuntut NBD di UK dan Ireland.

Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah.

Dalam sembah alu-aluan Yang Dipertua BSU menyampaikan tema majlis 'Raja Berwawasan, Belia Pemacu Cita Negara' mencerminkan kepimpinan

baginda yang berpandangan jauh serta peranan belia sebagai rakan strategik dalam pembangunan negara berteraskan prinsip Melayu Islam Beraja (MIB).

Gabungan kepimpinan raja dan semangat progresif belia ini sembahnya diyakini menjadi pemangkin ke arah NBD yang berdaulat, gemilang dan dihormati.

Dayangku Nabilah seterusnya menyampaikan bahawa BSU memperkenalkan satu kerangka kerja strategik iaitu 'AIS' - Akar, Identiti dan Sistem sebagai pendekatan langkah-langkah praktikal bagi membolehkan para penuntut berupaya menjadi peneraju negara dan ejen perubahan dengan memiliki pengetahuan serta kemahiran yang tinggi dan berani mencabar diri semasa berada di perantauan.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima pesambah (kiri), manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas), manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, baginda berkenan berangkat bercemar duli bersama rakyat dan penduduk NBD yang berada di UK dan Ireland.

>> Muka 3

Kemuncak majlis menyaksikan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat bercemar duli beramah mesra bersama kira-kira 1,130 rakyat dan penduduk NBD yang berada di UK dan Ireland terdiri daripada para penuntut, pegawai kerajaan dan mereka yang sedang bercuti.

Detik ini sekali lagi menyerlahkan hubungan erat dan

kasih sayang baginda terhadap rakyat tanpa mengira jarak dan tempat. Pada majlis ini, nyanyian Lagu Kebangsaan NBD dimainkan, diikuti bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh penuntut Queen Mary University of London, Awang Ahmad Rusydi bin Haji Mohd. Salleh dengan inti sari dibacakan oleh penuntut Loughborough University, Awang Mohammad Sahzwan bin Lamat. Perwakilan penuntut seterusnya menyebarkan

pesambah 'Perhubungan Rentak Serasi dan Semangat Sejati' berupa sebatang raket badminton bersama sarung khas serta senaskah Buku Ristaan bertajuk 'Raja Berwawasan, Belia Pemacu Cita Negara', Kehadapan Majlis Kebawah DYMM sebagai simbol semangat, kesetiaan dan hubungan mesra yang utuh antara baginda dengan para penuntut NBD di UK dan Ireland. Satu pesambah, 'Cahaya Simpurnya : Lambang Perpaduan

dan Semangat Kebangsaan', iaitu sebingkai kaca patri gabungan lima bunga kebangsaan : Bunga Simpurnya dari NBD, Tudor Rose dari England, Thistle dari Scotland, Daffodil dari Wales dan Shamrock dari Ireland disebarkan Kehadapan Majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri yang mencerminkan kelembutan dan keanggunan peribadi baginda serta keprihatinan dan dukungan baginda yang mendalam

terhadap penuntut NBD di UK dan Ireland.

Majlis turut diserikan dengan persembahan tausyeh bertajuk 'Bissalaamil Mubin' oleh gabungan kanak-kanak, remaja dan para penuntut NBD yang berada di UK. Semoga dengan bacaan selawat tersebut, Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan baginda berdua dengan keselamatan, kesejahteraan dan kesihatan berpanjangan.



YANG Dipertua Persatuan Penuntut-penuntut NBD - Brunei Students' Union (BSU), Dayangku Nabilah binti Pengiran Behrin dalam sembah alu-aluannya (bawah).



KEMUNCAK majlis menyaksikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berangkat bercemar duli beramah mesra bersama kira-kira 1,130 rakyat dan penduduk NBD yang berada di UK dan Ireland terdiri daripada para penuntut, pegawai kerajaan dan mereka yang sedang bercuti (atas kiri dan atas kanan).

LAWATAN TIMBA PENGALAMAN, DALAM SEJARAH ISLAM



ROMBONGAN Ahli Majlis Mesyuarat Negara berpeluang menambah pengalaman serta mendalami sejarah Islam menerusi Lawatan Rasmi ke Pameran 'Prophetic Exhibition: The Heart of Madinah' (atas, atas kanan dan bawah kiri).

>> Muka 1

Dengan bimbingan mutawif terlatih, pameran itu memberi penekanan utama terhadap Sirah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sekali gus membolehkan pengunjung memahami bukan sahaja fakta sejarah, malah nilai, akhlak dan cara hidup yang diteladani oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Semasa lawatan tersebut, pihak penganjur memaklumkan bahawa pameran ini diwujudkan sebagai

wadah dan inisiatif pendidikan awam yang bertujuan memupuk hubungan yang lebih mendalam dengan kehidupan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui pembelajaran berasaskan konteks sejarah serta refleksi.

"Kami berharap melalui pemahaman sirah dalam konteks sejarah dan realiti kehidupan sebenar, para pengunjung akan dapat membina hubungan yang lebih dekat dengan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta menzahirkan rasa

cinta dan penghargaan yang lebih mendalam terhadap kehidupan Baginda, akhlak Baginda yang sempurna serta ajaran-ajaran Baginda," ujar pengarah pameran tersebut.

Sejak pembukaannya, pameran berkenaan telah menarik kunjungan daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk keluarga, pelajar, organisasi korporat serta persatuan komuniti keagamaan.

Bersempena musim cuti persekolahan pada ketika ini, kehadiran keluarga secara berkumpulan turut meningkat, dengan pameran tersebut dijadikan antara aktiviti berfaedah sepanjang cuti sekolah.

Ramai pengunjung menyifatkan pengalaman melawat pameran ini sebagai informatif dan mendalam, di samping mendorong kepada refleksi diri serta memperbaharui penghargaan terhadap legasi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Penganjur turut menyatakan bahawa sambutan yang memberangsangkan, khususnya daripada para pendidik dan pemimpin masyarakat, mencerminkan kesedaran yang semakin meningkat terhadap

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



kepentingan memelihara dan memperlihatkan warisan Islam melalui pendekatan yang immersif, bermakna dan memperkaya rohani, selaras dengan keperluan masyarakat masa kini.

Pameran berkenaan dilanjutkan

tempohnya dan dibukakan kepada orang ramai untuk sama-sama merebut peluang bagi mendalami sirah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui pendekatan yang bersifat pendidikan dan reflektif.



BMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

KDNK negara catat peningkatan 0.03 peratus

>> Muka 1

Peningkatan sektor minyak dan gas pada Q3 2025 adalah terutamanya didorong oleh peningkatan pengeluaran gas asli berikutan pemulihan operasi selepas aktiviti penyelenggaraan dan peningkatan pengeluaran Gas Cecair Asli (LNG) yang didukung oleh bekalan gas yang mencukupi. Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak mentah menurun berikutan aktiviti penyelenggaraan berjadual dan tidak berjadual.

Penurunan sektor bukan minyak dan gas adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan subsektor-subsektor, termasuk pembuatan produk petroleum dan kimia (-10.9 peratus), perkhidmatan kerajaan (-2.8 peratus), perkhidmatan kesihatan (-14 peratus), dan pembinaan (-3.7 peratus).

Subsektor pembuatan produk petroleum dan kimia menurun disebabkan oleh penurunan pengeluaran metanol dan baja urea, berikutan aktiviti penyelenggaraan berjadual. Penurunan subsektor

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

perkhidmatan kesihatan adalah selaras dengan penstrukturan institusi perkhidmatan kesihatan swasta utama. Manakala, subsektor pembinaan menurun berikutan aktiviti pembinaan yang berkurangan.

Pada harga semasa, ekonomi pada Q3 2025 adalah sebanyak BND4,778.2 juta, menurun daripada BND5,011.4 juta pada Q3 2024. Sektor bukan minyak dan gas menyumbang sebanyak 55.4 peratus, termasuk aktiviti hiliran minyak dan gas seperti pembuatan produk petroleum dan kimia.

Manakala, sektor minyak dan gas yang merangkumi subsektor perlombongan minyak dan gas, dan subsektor pembuatan LNG menyumbang sebanyak 44.6 peratus.


Mengikut aktiviti ekonomi, sumbangan utama KDNK bagi Q3 2025 adalah sektor industri yang menyumbang sebanyak 58.6 peratus, diikuti oleh sektor perkhidmatan sebanyak 40.2

peratus, dan sektor pertanian, perhutanan dan perikanan sebanyak 1.3 peratus.

Mengikut pendekatan perbelanjaan, eksport barangan dan perkhidmatan meningkat sebanyak 4.6 peratus pada Q3 2025. Manakala, komponen lain mencatatkan penurunan, termasuk import barangan dan perkhidmatan sebanyak 21.6 peratus, perbelanjaan penggunaan akhir isi rumah sebanyak 5 peratus, perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan sebanyak 3 peratus dan pembentukan modal kasar (pelaburan aset fizikal) sebanyak 0.1 peratus.

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran.

Laporan penuh KDNK Q3 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui deps.mofe.gov.bn.



TERUJA DAPAT BERSUA MUKA RAJA DIKASIHI

LONDON, UNITED KINGDOM, Isnin, 29 Disember. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) di United Kingdom (UK) dan Ireland yang berlangsung di Royal Lancaster Hotel, London setentunya memberi peluang keemasan kepada segenap lapisan rakyat dan penduduk yang berada di sana untuk bersua muka dan seterusnya beramah mesra serta berinteraksi dengan raja yang dikasihi.

Pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk NBD berkenaan, keterujaan berkenaan digambarkan melalui temu bual bersama beberapa penuntut NBD yang sedang membuat pengajian mereka di sana.

Dayang Zuhrah Fatin Aina binti Mohammad Shukri menjelaskan beliau berasa amat bersyukur kerana berpeluang bersua muka dan seterusnya beramah mesra Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Beliau menzahirkan rasa gembira dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri kerana berkenan meluangkan masa untuk beramah mesra bersama para pelajar, dan sekali gus ia merupakan satu penghormatan yang besar apabila diberi peluang untuk bertemu serta bersalaman dengan baginda berdua.

MEK Jian Wei yang sedang mengikuti jurusan BSc Physics with Medical Physics di Cardiff University.

Dayang Zuhrah Fatin Aina juga sangat teruja apabila diberi kepercayaan untuk menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan ia merupakan satu pengalaman yang amat bermakna serta akan sentiasa dikenang.

Beliau yang kini mengikuti pengajian dalam jurusan BSc Urban Planning and Development di Cardiff University memilih untuk melanjutkan pengajian dalam bidang perancangan dan pembangunan bandar kerana tertarik dengan cara bandar direka bentuk dan berfungsi.

Menurutnya, bidang berkenaan memerlukan keseimbangan antara pelbagai faktor yang saling berkait seperti keperluan sosial, kelestarian alam sekitar, pertumbuhan ekonomi dan infrastruktur, yang amat mencabar namun menarik.

"Kefahaman tentang bagaimana perancangan dapat membentuk komuniti dan meningkatkan kualiti hidup mendorong saya untuk mendalami bidang ini," jelasnya.

Mengongsikan mengenai cabaran yang dihadapi sepanjang pengajian, Dayang Zuhrah Fatin Aina yang juga merupakan Naib Yang Dipertua Persatuan Penuntut-penuntut NBD berkata beliau perlu menyesuaikan diri dengan kehidupan universiti yang sangat berbeza daripada sistem pengajian 'A' Level.

Pada peringkat awal tambahnya, pengurusan pembelajaran secara sendiri dan beban tugas yang lebih berat memerlukan masa untuk disesuaikan dan beliau mengatasinya dengan mengambil inisiatif untuk mendekati para pensyarah apabila menghadapi kekeliruan serta mendapatkan

nasihat daripada pelajar senior tentang cara mengimbangi tanggungjawab akademik dan kehidupan universiti.

Menyentuh mengenai setelah menamatkan pengajian nanti, beliau berharap dapat menyumbang kepada negara dengan mengaplikasikan prinsip perancangan bandar yang berteraskan rakyat bagi membantu membentuk bandar yang mengutamakan keperluan komuniti berbanding kebergantungan

kepada kenderaan. "Dengan memberi tumpuan kepada kebolehlaluan pejalan kaki, keterangkuman dan kelestarian, saya berhasrat untuk menyokong pembangunan jangka panjang yang meningkatkan kualiti hidup serta memastikan masa depan negara yang lebih mampan," ujarnya lagi.

Dalam pada itu, Dayang Zuhrah Fatin Aina menyarankan kepada para pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke luar negara supaya konsisten dan mempunyai keazaman kerana ia merupakan kunci kejayaan dalam akademik. Selain itu, adalah penting untuk sentiasa mempunyai sistem sokongan yang kukuh bagi membantu menghadapi kehidupan di luar negara.

Sementara itu, Dayang Nur Amni Syahmina binti Muhammad Sofwan Sofian pula menyatakan peluang untuk bersua muka serta bersalaman Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri merupakan satu penghormatan yang akan dikenang selamanya. Bertemu dengan Kebawah DYMM mengingatkan beliau tentang tujuannya berada di sini, iaitu untuk mengharumkan nama NBD.

Beliau yang sedang mengikuti pengajian dalam jurusan BSc Business Management (Human Resource Management) di Cardiff University memilih untuk melanjutkan pengajian dalam bidang berkenaan memandangkan Bidang Sumber Manusia (HR) dirasakan sebagai gabungan yang sempurna antara strategi dan nilai kemanusiaan.

"Setelah menamatkan pengajian, saya ingin membantu membangunkan persekitaran tempat kerja yang memperkasa rakyat NBD.

"Individu yang kuat akan membentuk sebuah negara yang kukuh, dan saya ingin menjadi sebahagian daripada usaha tersebut," jelasnya.

DAYANG Nur Amni Syahmina binti Muhammad Sofwan Sofian mengikuti pengajian dalam jurusan BSc Business Management (Human Resource Management) di Cardiff University (kanan) dan Dayang Zuhrah Fatin Aina binti Mohammad Shukri mengikuti pengajian dalam jurusan BSc Urban Planning and Development di Cardiff University (kanan sekali).

Oleh : Srinarawie Bidzah
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dayang Nur Amni Syahmina juga mengongsikan mengenai kehidupan bersama para pelajar lain dalam sama-sama menerapkan patriotisme dan agama. Beliau menjelaskan hidup bersama pelajar NBD yang lain banyak mengajarnya tentang perpaduan.

"Kami mengingatkan satu sama lain untuk tetap teguh pada iman dan bangga dengan asal usul kami.

"Salah satu cabaran terbesar ialah homesickness tetapi sebenarnya itulah yang menguatkan lagi ikatan kami. Saya sangat menghargai teman-teman saya dalam BruSCA!," ujarnya.

Seorang lagi pelajar, iaitu Mek Jian Wei yang sedang mengikuti jurusan BSc Physics with Medical Physics di Cardiff University juga berasa amat berbesar hati dan bersyukur atas peluang untuk bersua muka serta bersalaman Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Jelasnya, pengalaman berkenaan amat bermakna dan memberi motivasi kerana ia mengukuhkan lagi rasa bangga serta tanggungjawab sebagai seorang pelajar yang sedang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Mek Jian Wei memilih untuk mempelajari bidang fizik dengan fizik perubatan kerana mempunyai minat yang mendalam untuk memahami prinsip asas alam semula jadi dan mengaplikasikannya bagi meningkatkan kesihatan manusia.

"Fizik perubatan membolehkan saya menggabungkan minat terhadap fizik dengan aplikasi perubatan dunia sebenar seperti pengimejan perubatan dan terapi sinaran, yang memainkan peranan penting dalam sistem penjagaan kesihatan moden.

"Program ini selaras dengan aspirasi saya untuk menyumbang secara bermakna kepada masyarakat melalui sains dan teknologi," ujarnya.

Mek Jian Wei dalam kesempatan ini turut mengongsikan harapan setelah menamatkan pengajian nanti, beliau berharap dapat menyumbang kembali kepada negara dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahirannya dalam bidang sains, penjagaan kesihatan atau pendidikan. Beliau juga

bercita-cita untuk menyokong kemajuan teknologi perubatan dan perkhidmatan kesihatan, khususnya melalui aplikasi fizik dalam bidang perubatan.

Dalam pada itu, Mek Jian Wei memberi saranan kepada para pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke luar negara supaya jangan sesekali berputus asa dan jangan kehilangan harapan.

Jelasnya, pengajian di luar negara sememangnya penuh dengan cabaran, namun setiap kesukaran membantu membina ketabahan, berdikari dan pembentukan sahsiah. Sentiasa berpandangan ke hadapan, percaya kepada kebolehan diri, dan anggap cabaran sebagai peluang untuk berkembang, bukannya sebagai halangan.

Berkongsi mengenai cabaran sepanjang mengikuti pengajian di luar negara, Mek Jian Wei menyatakan perlu mengimbangi komitmen akademik dengan aktiviti kokurikulum serta tanggungjawab harian seperti memasak, mencuci pakaian dan mengurus kewangan.

"Pengalaman ini banyak meningkatkan kemahiran pengurusan masa dan disiplin diri.

"Penyertaan dalam kelab universiti serta interaksi dengan rakan kursus dan pelajar daripada pelbagai latar belakang membantu saya membangunkan kemahiran sosial dan komunikasi yang kukuh.

"Tanpa sistem bimbingan berterusan, saya belajar untuk bergantung kepada inisiatif dan usaha sendiri, sekali gus memotivasikan diri untuk menghadiri kuliah dan menyiapkan tugas walaupun dalam keadaan mencabar," katanya.

Untuk mengatasi rasa rindu kepada keluarga dan tanah air, beliau sentiasa berhubung dengan keluarga melalui panggilan telefon dan video.

"Saya juga meluangkan masa bersama rakan-rakan, sama ada belajar bersama atau sekadar berbual santai.


"Sistem sokongan ini membantu mengurangkan tekanan serta mengekalkan keseimbangan yang sihat antara tanggungjawab akademik dan kehidupan peribadi," ujarnya lagi.



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

BELIA TEMPATAN SERTAI ASIAN PRODUCERS' PLATFORM CAMP



PESERTA tunggal dari Negara Brunei Darussalam, Awang Faiq Airudin, satu-satunya belia dari negara ini telah menyertai Asian Producers' Platform (APP) Camp.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Just Bruneians

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Disember. - Peserta tunggal dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Awang Faiq Airudin, satu-satunya belia dari

negara ini telah menyertai Asian Producers' Platform (APP) Camp dikhususkan bagi penerbit seni persembahan yang sedang meningkat naik dan

berpengalaman.

Program selama sembilan hari itu diadakan di Kaohsiung dan Okinawa, Jepun, bermula 22 hingga 30 November 2025 yang lalu. Program tersebut telah menghimpunkan lebih 50

penerbit dari Jepun, Korea Selatan, Australia, New Zealand, Republik Singapura, Malaysia dan negara-negara lain di rantau Asia-Pasifik.

Awang Faiq Airudin menyatakan bahawa peluang tersebut amat bermakna kerana ia membolehkannya berhubung dengan penggiat kreatif lain di seluruh rantau serta membina jaringan yang bernilai bagi membantu perkembangan industri kreatif di NBD.

Di Kaohsiung, beliau meneroka amalan seni tempatan dan usaha pemulihan tapak warisan. Penyelidikannya merangkumi lawatan ke bangunan era perang, bengkel artisan, pusat komuniti dan kedai buku.

Di Okinawa, Jepun, beliau bertemu dengan artis dan kurator yang mengintegrasikan seni dengan bidang lain serta melawat lokasi yang menyokong aktiviti merentas disiplin seperti kafe, kedai buku dan galeri. Kem

ini diakhiri dengan pembentangan berkumpulan dan sesi perkongsian.

Sejak tahun 2014, APP telah menghimpunkan lebih 200 penerbit seni persembahan yang sedang meningkat dan berpengalaman melalui kem intensif. Awang Faiq Airudin merupakan peserta pertama dan satu-satunya dari negara ini yang menyertai program tersebut setakat ini.

Program tersebut menampilkan lawatan, ceramah, perbincangan, aktiviti penyelidikan, acara serta perhimpunan tidak formal.

Para peserta memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai seni dan budaya tempatan, dasar kebudayaan, serta konteks sosial dan politik tempat para artis berkarya. Mereka juga berpeluang untuk berhubung, bertukar idea dan belajar daripada rakan penerbit lain di seluruh Asia-Pasifik.

Melahirkan pelajar celik Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Disember. - Sebagai matlamat murni demi terus merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkasa aspirasi Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah Negara Zikir sekali gus melahirkan semua lapisan masyarakat Islam di negara ini celik Al-Quran, Nadi Quranic Learning Centre (NQLC), Serusop baru-baru ini telah mengadakan NQLC Serusop Open Day! bertempat di pusat berkenaan.

Hari Terbuka yang diselenggarakan dengan

membukakan sesi pendaftaran kelas bagi tahun 2026 berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan yang dibuat untuk menarik orang ramai yang berminat untuk ikut serta dalam program-program yang ditawarkan di NQLC Serusop.

Antara objektif dilaksanakan Hari Terbuka berkenaan adalah untuk memperkenalkan sistem dan teknik neuro nadi selain memperkenalkan kelas-kelas yang ditawarkan termasuk Quranic Care dan juga program baharu, iaitu Tarannum.

Berkesempatan ditemu bual Pelita Brunei, salah seorang tenaga pengajar NQLC Serusop menjelaskan bahawa sepanjang Hari Terbuka sehari berkenaan, mereka menyediakan taklimat mengenai sistem pembelajaran NQLC Serusop.

Jelasnya, secara umum,

terdapat lima program yang ditawarkan di NQLC Serusop, iaitu Tamhid, Tajwid, Talaqqi, Tarannum dan Quranic Care.

Program Tamhid tambahannya, ialah keupayaan mengenal dan membaca 28 huruf Hijaiyyah dengan baik, keupayaan membaca tanda baris asas bacaan, iaitu Fathah (atas), Kasrah (bawah) dan Dhommah (depan); kemahiran menguasai tanda bacaan baris dua atas tanwin, keupayaan mengenal dan membaca tanda bacaan panjang atau Mad, keupayaan membaca tanda bacaan mati atau sukun, dan kemahiran menguasai tanda bacaan berganda atau sabdu.

Program Tajwid pula katanya lagi, ialah mengetahui makhraj-makhraj huruf (tempat keluarnya huruf-huruf Hijaiyyah) di dalam struktur bacaan, menguasai teknik bacaan dan cara menyebut dengan jelas dan mudah bagi huruf-huruf yang banyak berubah dari segi bacaannya apabila bertemu dengan huruf-huruf seperti Nun Sukun, Mim Sukun, Alif Lam dan sebagainya, dan keupayaan menguasai tanda bacaan Waqaf (berhenti) dan menyambung bacaan.

Tambahannya, Program Talaqqi ialah sesi pembacaan Al-Quran praktikal bersama guru dan ia merupakan kelas lanjutan di mana guru-guru membaca setiap ayat diikuti oleh pelajar dengan lancar dan tartil sehingga khatam Al-Quran.

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan NQLC Serusop

"Menyentuh mengenai Program Tarannum itu, ia merupakan pembelajaran asas-asas seni Tarannum, mengetahui alunan bacaan Al-Quran dengan asas dan betul, dan juga memperkenalkan tujuh jenis lagu Tarannum, terutama lagu Bayati," ujarnya.

Sementara itu jelasnya, Program Quranic Care dibukakan kepada kanak-kanak berumur enam tahun hingga dewasa. Bagi golongan anak-anak yang mencari tempat untuk mengisi masa kosong selepas sesi persekolahan sebelah pagi atau sebelum sesi persekolahan petang, mereka boleh hadir untuk mengikuti program berkenaan seakan-akan seperti daycare tetapi ada pembelajaran di dalamnya seperti sembahyang, berwudhu, zikir dan sebagainya.

NQLC Serusop setakat ini mempunyai seramai lapan

tenaga pengajar dan jumlah pelajar yang sudah berdaftar sehingga kini seramai 180 orang secara keseluruhannya.

Dengan adanya penubuhan NQLC Serusop berkenaan adalah diharap ia mampu melahirkan golongan pelajar bukan sahaja setakat pandai membaca Al-Quran tetapi menjadikan pelajar celik kepada Al-Quran di samping menerapkan dalam diri setiap individu bahawa mempelajari Al-Quran merupakan satu kemestian dan keperluan dan juga menyemai nilai-nilai akhlak yang mulia dalam kehidupan sehari-hari.

Oleh yang demikian, orang ramai yang berhasrat untuk menimba ilmu Al-Quran adalah dialu-alukan untuk membuat pendaftaran yang pada masa ini dan ia masih lagi dibukakan sesi pendaftarannya sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.



NADI Quranic Learning Centre (NQLC), Serusop baru-baru ini mengadakan NQLC Serusop Open Day! bertempat di pusat berkenaan (kiri dan kanan).



PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK PENUHI KEPERLUAN IBU BAPA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Disember. - Pusat penjagaan kanak-kanak atau *daycare* kini menjadi pilihan utama ibu bapa sebagai alternatif penjagaan anak-anak, khususnya dalam kalangan keluarga yang kedua-dua ibu bapa bekerja.

Selain itu, ia juga menjadi pilihan ibu bapa kerana ia praktikal, sistematik dan menyokong perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh, terutama bagi ibu bapa yang memerlukan sokongan penjagaan yang boleh dipercayai.

Perkembangan pesat sektor berkenaan dilihat selari dengan perubahan gaya hidup masyarakat moden yang semakin mencabar.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama seorang Pegawai

Pelajaran, Dayang Zulaikha mengongsikan, beliau mula menghantar anaknya ke pusat penjagaan kanak-kanak sejak tahun lalu.

Tambahnya, keputusan berkenaan dibuat berikutan ketiadaan penjaga di rumah, dan sebelum ini, ibu bapa yang menjaga anak-anak secara sukarela, namun atas pertimbangan faktor kesihatan dan kesejahteraan mereka, beliau mengambil keputusan untuk menghantar anaknya ke pusat penjagaan kanak-kanak yang lebih sesuai dan teratur.

"Alhamdulillah, setakat ini pengalaman saya adalah sangat positif. Dari segi keselamatan dan kebajikan, anak-anak berada dalam keadaan yang terjaga dengan baik, dan saya berasa yakin untuk meninggalkan mereka di bawah penjagaan pihak pusat

tersebut semasa waktu bekerja.

"Perubahan paling ketara yang saya perhatikan ialah perkembangan sosial anak-anak. Mereka menjadi lebih berani berinteraksi, mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu serta lebih pandai bergaul dengan rakan sebaya dan orang dewasa," katanya.

Menyentuh mengenai antara cabaran yang dihadapi, beliau berkata, cabaran utama yang dihadapi adalah dari segi persediaan harian anak-anak, termasuk menyediakan makanan, pakaian dan kelengkapan lain.

Selain itu jelasnya, anak-anak juga perlu bangun lebih awal setiap hari yang memerlukan disiplin serta pengurusan masa yang lebih teratur.

Secara keseluruhan katanya lagi, kadar bayaran pusat penjagaan kanak-kanak adalah hampir sama, justeru faktor kos tidak begitu mempengaruhi pemilihan. Sebaliknya, aspek keselamatan, kebajikan dan kualiti penjagaan menjadi keutamaan dalam membuat keputusan.

"Pada pandangan saya, pemantauan dan peraturan sedia ada masih boleh diperkemas dan dipertingkatkan, terutamanya dari segi pemantauan berkala terhadap keadaan premis, kemudahan serta tahap pematuan piawaian keselamatan dan kebersihan.

"Saya berharap pihak pengusaha pusat penjagaan kanak-kanak dapat terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan bertanggungjawab. Selain itu, kerjasama yang lebih erat serta komunikasi yang



PUSAT penjagaan kanak-kanak atau *daycare* kini menjadi pilihan utama ibu bapa sebagai alternatif penjagaan anak-anak, khususnya dalam kalangan keluarga yang kedua-dua ibu bapa bekerja (bawah kiri, atas dan bawah).

berkesan antara ibu bapa dan pihak pengurusan *daycare* amat penting bagi memastikan kesejahteraan dan perkembangan kanak-kanak sentiasa terpelihara," ujarinya lagi.



Tip

Pendidikan



Kepentingan persediaan awal tahun persekolahan

AWAL tahun persekolahan merupakan masa penting untuk membentuk disiplin, sikap positif dan semangat belajar dalam kalangan murid sekolah rendah. Persiapan sejak awal membantu mereka menyesuaikan diri dengan rutin harian sekolah serta meningkatkan prestasi akademik. Jom semak!

Murid perlu menyediakan semua kelengkapan sekolah lebih awal supaya tidak kelam-kabut pada hari pertama persekolahan. Jadual harian juga perlu diatur dengan baik agar masa belajar, rehat dan tidur lebih seimbang.

Selain itu, murid harus menyediakan diri dari segi mental dan emosi supaya lebih yakin dan bersemangat untuk belajar. Pakaian seragam sekolah hendaklah diperiksa lebih awal bagi memastikan saiznya sesuai dan kemas dipakai.

Murid juga digalakkan membuat ulang kaji ringan bagi mengingati semula pelajaran yang lalu dan menjaga kesihatan dengan pemakanan seimbang dan rehat yang cukup amat penting untuk memastikan tubuh badan sentiasa cergas.

Dengan sokongan ibu bapa dan guru, pelajar dapat memulakan tahun persekolahan dengan baik, berdisiplin, yakin dan bersemangat menimba ilmu.

SUNDAY MARKET BUKA PELUANG USAHAWAN MUDA



LEBIH 10 vendor Pengusaha Kecil dan Sederhana menyertai jualan tersebut (atas dan kanan).

PENGKALAN BATU, Isnin, 29 Disember. - Jualan Sunday Market diharap menjadi platform serta prasarana yang sedia untuk menarik lebih ramai lagi pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana yang baru mula berjinak-jinak dengan dunia

perniagaan terutama sekali kepada anak-anak muda yang masih mencari pekerjaan. Tidak rugi bergerak setapak ke hadapan dengan sesuatu usaha yang kecil, dengan itu akan memberikan keyakinan jiwa semangat yang besar untuk terus

ke hadapan sebagai usahawan yang berjaya.

Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Awang Haji Arfan bin Haji Mohd. Yusof juga selaku Pengerusi Majlis Perundingan Mukim (MPM) berkenaan berucap demikian pada acara jualan berlangsung di Kawasan Letak Kereta, Taman Rekreasi dan Mini Perayaan Kampung Parit, baru-baru ini.

Awang Haji Arfan seterusnya berkata acara tersebut merupakan anjuran Biro Perekonomian MPM Pengkalan Batu dan diadakan dua kali sebulan iaitu di pertengahan dan hujung bulan.

Lebih 10 vendor Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) telah menyertai jualan tersebut dan ia dibukakan juga kepada syarikat-syarikat dan pengusaha tempatan serta kepada penduduk kampung dan Mukim Pengkalan Batu dan persekitarannya.

Tujuan jualan diadakan antaranya selain membuka peluang perniagaan, ia juga diharap mempromosikan Taman Peranginan Kampung Parit sebagai destinasi riadah untuk kunjungan orang ramai dan keluarga.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Arfan HMY

Sunday Market juga akan dapat menghidupkan komuniti, menyokong usahawan tempatan dan memberi pengalaman santai pada pengunjung, selain para usahawan dapat mengetengahkan jualan mereka termasuk makanan, seni kraf tangan juga produk hasil buatan sendiri.

Semoga golongan muda akan lebih banyak tampil untuk menyerlahkan bakat mereka yang boleh dijadikan hasil produk mereka sendiri menerusi pendedahan seperti jualan dan juga kaedah yang lain demi menjana pendapatan sampingan masing-masing.



Budaya membaca teras pembentukan masyarakat berilmu, berdaya saing

Oleh : Pg. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Disember. - Membaca merupakan amalan yang sangat penting dalam membentuk masyarakat yang berilmu kerana ia menambahkan pengetahuan. Budaya membaca perlu diterapkan dalam kehidupan seharian baik dalam kalangan individu mahupun masyarakat.

Justeru, adalah sangat relevan bagi kita untuk memupuk dan menghidupkan budaya membaca, di samping menjadikan ilmu sebagai amalan harian dalam menjalani kehidupan kita sehari-hari. Kita perlu meluangkan masa



BUDAYA membaca harus diterapkan melalui pelbagai inisiatif yang melibatkan masyarakat secara keseluruhannya seperti perpustakaan membuat jerayawara atau mengadakan program untuk menarik minat membaca (kiri dan atas).

bagi membaca dan jadikan ia sebagai salah satu aktiviti keluarga yang menarik, di mana ia juga dapat meningkatkan dan mengeratkan hubungan antara ahli keluarga.

Peranan ibu bapa amat penting dalam memupuk minat membaca dalam kalangan anak-anak,

antaranya dengan menunjukkan contoh teladan melalui amalan membaca di hadapan mereka.

Itu kerana ia akan memberi kesan yang besar terhadap minat anak-anak untuk menghargai ilmu pengetahuan dan membaca buku. Selain membaca di rumah, ibu bapa juga boleh menggalakkan

anak-anak mengunjungi perpustakaan berhampiran atau mendapatkan bahan bacaan di kedai buku.

Pada peringkat masyarakat pula, budaya membaca harus diterapkan melalui pelbagai inisiatif yang melibatkan masyarakat secara keseluruhannya seperti perpustakaan membuat jerayawara atau mengadakan program untuk menarik minat membaca.

Perpustakaan bukan hanya sebagai tempat meminjam buku-buku malah ia juga sebagai pusat pembelajaran yang menawarkan pelbagai peluang untuk meningkatkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat setempat.

Pada kesimpulannya dengan membudayakan membaca dan menjadikan ilmu sebagai amalan harian, kita dapat mencipta masyarakat yang lebih berilmu dan berpengetahuan. Budaya membaca bukan sekadar aktiviti sampingan, sebaliknya merupakan teras pembentukan keluarga harmoni dan masyarakat yang berdaya maju dan berdaya saing.



SEMEMANGNYA kita hidup di dunia ini menginginkan kebahagiaan dan kejayaan. Namun, untuk beroleh kejayaan dan mencapai kecemerlangan tersebut perlu disusuli dengan semangat dan usaha yang bersungguh-sungguh seperti mana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 69 mafhumnya :

"Dan orang-orang yang berjihad untuk kami, kami tentu akan menunjukkan kepada mereka jalan-jalan kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yang berbuat kebaikan".

Agama Islam menganjurkan umatnya untuk berubah ke arah yang lebih baik sama ada dari segi rohani mahupun jasmani.

Tahun baharu yang lebih berkat, bermakna

Adapun untuk membuat perubahan tersebut adalah berbalik kepada diri kita sendiri seperti mana peringatan Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ra'd ayat 11, mafhumnya :

"Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah keadaan apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan keburukan (azab) kepada suatu kaum maka tidak ada yang dapat menolaknya. Dan mereka tidak memperoleh pelindung selain daripadanya".

Untuk membuat perubahan juga, setiap individu perlu memiliki azam dan cita-cita kerana ia merupakan satu dorongan dan suntikan semangat untuk melakukan sesuatu perkara atau pekerjaan ke arah yang lebih baik. Misalnya, para pelajar sudah setentunya mempunyai azam untuk

menjadi pelajar yang cemerlang dan berjaya, begitu juga para pekerja pula hendaklah mempunyai azam untuk meningkatkan daya usaha, kualiti dan produktiviti kerja mereka dari masa ke masa. Semua tekad dan azam ini bertujuan untuk menjadikan kita insan yang berjaya dan cemerlang di dunia dan di akhirat.

Di samping itu bagi mengecapi kejayaan, perlulah dimulakan dengan muhasabah diri kerana melaluinya kita akan lebih mengenali diri kita; kekuatan dan kelemahan, prestasi dan kekurangan, keperluan dan kelebihan. Begitu juga, melaluinya kita akan memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang menjadi penghalang kejayaan, di samping membuka ruang-ruang dan mengatur langkah-langkah yang boleh membantu kita untuk kuat bermujahadah.

Justeru, memperbaiki diri itu hendaklah tetap berterusan dan tidaklah bermakna ia

hanya dihayati dan dilakukan ketika perubahan tahun baharu. Jika perubahan tidak dapat dilakukan, sekurang-kurangnya kita nilailah kembali diri kita sama ada dari segi kekuatan dan kelemahan agar transformasi itu akan terjadi sedikit demi sedikit.

Semoga tahun baharu ini akan sentiasa menjana semangat yang baharu ke arah kecemerlangan hidup dan memperbaiki iman kita untuk sentiasa melakukan perubahan untuk menjadi muslim yang lebih baik. Terus kanlah bermuhasabah diri dalam kehidupan seharian agar kita akan menjadi muslim yang taat kepada suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan begitu juga menjadi muslim yang lebih bijak dengan perkara-perkara berfaedah. Semoga tahun baharu ini menjadi tahun yang lebih bermakna bagi kita dan berkat di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedudukan Ibadah Wajib Orang Yang Bertaubat Setelah Murtad

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SESEORANG menjadi murtad apabila dia memutuskan keislamannya sama ada dia menganut ugama lain selain Islam atau dia tidak menganut apa-apa ugama. Menurut para ulama, keislaman seseorang itu terputus apabila ada niat menjadi kafir dan juga terputus dengan sebab perkataan yang membawa makna kufur sama ada perkataan itu berupa penghinaan terhadap Islam atau kerana menolak Islam atau kerana beriktikad kufur. Begitu juga keislaman itu terputus dengan sebab perbuatan kufur.

Menjadi murtad hukumnya adalah haram dan ia merupakan dosa besar yang paling besar. Ia adalah seburuk-buruk perbuatan kufur dan pelakunya boleh dikenakan seberat-berat hukuman. Menurut pandangan para ulama asy-Syafi'iyah, perbuatan murtad akan menyebabkan terhapusnya amal *shalih* yang dilakukan seseorang sebelum dia menjadi murtad jika dia meninggal dunia dalam keadaan murtad berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

Tafsirnya : Dan sesiapa antara kamu yang murtad daripada agamanya (Islam) lalu dia mati sedang dia dalam keadaan kafir, maka sia-sialah amalan mereka (yang baik-baik) di dunia dan di akhirat, mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

(Surah al-Baqarah : 217)

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* lagi :

Tafsirnya : Dan sesiapa yang kafir (ingkarkan syari'at Allah dan tuntutan-tuntutanNya) sesudah beriman, maka sesungguhnya sia-sialah amal (shalih yang telah dikerjakannya) dan di akhirat kelak dia termasuk orang-orang yang rugi.

(Surah al-Ma'idah : 5)

Selain terhapus amal perbuatan yang telah dikerjakan oleh orang murtad, menurut Imam asy-Syafi'i *Rahimahullah* sebagaimana yang dinukil oleh asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, pahala amal *shalih* yang telah dikerjakannya juga akan terhapus semata-mata dengan sebab dia murtad.

Apabila seorang Islam menjadi murtad, maka dia wajib diminta untuk bertaubat pada ketika itu. Jika dia bertaubat, maka dia tidak dikenakan hukuman bunuh. Namun jika dia enggan bertaubat dan enggan kembali kepada Islam setelah dinasihati dan diminta bertaubat, maka dia boleh dikenakan hukuman bunuh.

Dalam membincangkan isu murtad, timbul satu persoalan penting, jika seseorang menjadi murtad lalu dia bertaubat, apakah kedudukan ibadah-ibadah wajib yang telah luput sepanjang tempoh dia berada dalam keadaan murtad? Selain itu, sekiranya murtad menyebabkan terhapusnya amal *shalih* yang telah dikerjakan oleh orang murtad dan terhapus pahala amal *shalih*, adakah ini bermakna dia perlu mengqadha' semula semua ibadah wajib yang pernah ditunaikannya sebelum dia menjadi murtad?

Apabila seseorang menjadi murtad, kemudian dia bertaubat dan kembali kepada Islam, maka menurut para ulama kedudukan ibadah-ibadah wajib yang ditinggalkannya sepanjang tempoh dia murtad dari sudut kewajipan qadha' adalah seperti berikut :

1. Sembahyang fardhu.

Wajib ke atas orang murtad yang bertaubat dan kembali semula kepada Islam untuk mengqadha' sembahyang fardhu yang ditinggalkannya sepanjang tempoh dia murtad. Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Minhaj ath-Thalibin* menyebutkan :

Ertinya : Sesungguhnya wajib sembahyang (fardhu) ke atas setiap orang Islam yang baligh, berakal dan suci, dan tiada qadha' (sembahyang fardhu yang ditinggalkannya) ke atas orang kafir (jika dia masuk Islam) kecuali orang murtad.

Menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj*, orang murtad hendaklah mengqadha' sembahyang fardhu yang ditinggalkannya sepanjang tempoh dia murtad apabila dia kembali kepada Islam sebagai hukuman berat ke atasnya dan disebabkan sembahyang itu dipertanggungjawabkan ketika dia beragama Islam dan tanggungjawab itu tidak gugur dengan sebab kekufuran.

Bahkan jika seseorang itu murtad, kemudian dia menjadi gila atau dia pengsan atau dia menjadi mabuk walaupun keadaan hilang akal tersebut terjadi tanpa perbuatan yang menyalahi syara', maka menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, orang murtad tersebut tetap diwajibkan untuk mengqadha' sembahyang fardhu yang ditinggalkannya sepanjang tempoh dia murtad dan juga sepanjang tempoh dia gila atau pengsan atau mabuk sebagai suatu bentuk hukuman berat ke atasnya.

Berlainan halnya bagi perempuan yang menjadi murtad, kemudian berlaku haidh atau nifas semasa dia murtad, maka dalam keadaan ini dia hanya diwajibkan untuk mengqadha' sembahyang fardhu yang ditinggalkannya sepanjang tempoh dia murtad sahaja dan dia tidak diwajibkan untuk mengqadha' sembahyang fardhu yang ditinggalkannya semasa dia haidh atau nifas dalam tempoh dia murtad.

2. Zakat fitrah dan zakat harta.

Jika seseorang menjadi murtad lalu diwajibkan zakat fitrah ke atas dirinya dan orang yang di bawah tanggungannya, maka menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, pembayaran zakat fitrah bagi orang murtad itu adalah ditangguhkan (*mauqufah*). Jika dia kembali kepada Islam, maka wajib ke atasnya membayar zakat fitrah yang ditinggalkannya semasa dia murtad bagi dirinya dan orang yang di bawah tanggungannya. Manakala jika dia tidak kembali kepada Islam, maka tidak diwajibkan zakat fitrah ke atas dirinya dan orang yang di bawah tanggungannya sepanjang tempoh dia menjadi murtad kerana zakat fitrah itu tidak diwajibkan kecuali ke atas orang Islam dan kerana harta orang murtad itu bukan menjadi miliknya ketika dia mula menjadi murtad.

Begitu juga halnya dengan zakat harta. Jika seseorang menjadi murtad lalu sampai *haul* bagi hartanya, maka pembayaran zakat harta bagi orang murtad juga adalah ditangguhkan (*mauqufah*) menurut pendapat al-ashah (yang paling shahih). Oleh itu, jika dia kembali kepada Islam, maka zakat hartanya yang ditinggalkannya semasa dia murtad hendaklah dikeluarkan kerana jelas pada ketika itu bahawa hartanya adalah kekal menjadi miliknya. Manakala jika dia tidak kembali kepada Islam sehingga dia meninggal dunia dalam keadaan murtad, maka tidak dikeluarkan zakat hartanya kerana telah jelas bahawa harta orang murtad itu bukan menjadi

miliknya ketika dia mula menjadi murtad.

Jika orang murtad itu membayar zakat pada ketika dia masih murtad, menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* lagi, dia dibolehkan untuk membayar zakat ketika dia masih murtad. Walau bagaimanapun menurut Imam asy-Syarwani *Rahimahullah*, orang murtad itu wajib berniat *at-tamyiz* (pembezaan) dan bukan berniat *at-taqarrub*. Meskipun dia dibolehkan untuk membayar zakat ketika dia murtad, akan tetapi menurut Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* jika dia tidak kembali kepada Islam dan meninggal dunia dalam keadaan murtad, hartanya adalah jelas bukan menjadi miliknya bermula dari tempoh dia menjadi murtad, maka zakat yang dibayar semasa dia murtad dianggap sebagai perbelanjaan daripada harta yang tidak sah dimilikinya. Oleh itu, orang yang mengambil harta zakat daripada orang murtad tersebut wajib mengembalikan harta zakat itu jika harta zakat tersebut masih ada atau dia menggantinya jika harta tersebut sudah tiada.

Berbeza halnya jika zakat itu diwajibkan sebelum dia murtad, maka pembayaran zakat orang murtad itu diambil daripada hartanya sama ada dia kembali kepada Islam atau dia meninggal dunia dalam keadaan murtad.

3. Puasa Ramadhan.

Wajib ke atas orang murtad yang kembali semula kepada Islam untuk mengqadha' puasa Ramadhan yang telah ditinggalkan sepanjang tempoh dia menjadi murtad sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Minhaj ath-Thalibin*.

Jika seseorang itu menjadi murtad lalu setelah itu dia menjadi gila kemudian dia kembali semula kepada Islam, maka menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, dia wajib mengqadha' puasa Ramadhan yang telah ditinggalkan sepanjang tempoh dia murtad dan juga sepanjang tempoh dia dalam keadaan gila.

4. Haji.

Menurut para ulama, syarat sah haji ialah hendaklah orang yang menunaikan haji itu beragama Islam. Oleh itu haji yang dikerjakan oleh orang kafir dan orang murtad adalah tidak sah kerana mereka bukan ahli (orang yang dituntut) dalam perkara ibadah.

Manakala jika seseorang sedang menunaikan haji, lalu dia menjadi murtad semasa sedang menunaikan haji, maka menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, hajinya pada ketika itu menjadi batal.

Jika seseorang menjadi murtad, lalu ketika itu dia menjadi berkemampuan (*istitha'ah*) untuk menunaikan haji, maka menurut para ulama, kewajibannya untuk menunaikan haji itu tetap tertanggung ke atas dirinya disebabkan dia telah mencapai kemampuan semasa berada dalam keadaan murtad. Oleh itu, jika dia kembali kepada Islam sekalipun dia telah menjadi tidak berkemampuan untuk menunaikan haji, kewajipan tersebut tetap tertanggung ke atasnya. Jika dia mengakhirkan kewajipan tersebut sehingga dia meninggal dunia dalam keadaan kembali kepada



IRSYAD HUKUM

جہان فیتہ کراچی
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

Islam, maka menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, dilaksanakan haji bagi pihaknya daripada harta peninggalannya.

Apa yang dijelaskan di atas ialah kedudukan ibadah-ibadah wajib yang ditinggalkan sepanjang tempoh dia murtad. Adapun amal *shalih* yang dikerjakan sebelum dia murtad, menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, terhapus amal *shalih* orang murtad itu jika dia berkekal dalam keadaan murtad sehingga dia mati. Dengan kata lain, jika seseorang menjadi murtad dan dia tidak bertaubat sehingga dia meninggal dunia dalam keadaan murtad, maka keadaan inilah yang akan menyebabkan terhapus amal *shalih* yang telah dilakukannya ketika dia beragama Islam.

Jika orang murtad itu kembali kepada Islam, amal *shalih* yang dilakukannya sebelum dia murtad tidak terhapus dan tidak diwajibkan ke atasnya mengqadha' ibadah-ibadah tersebut disebabkan dia murtad. Perkara ini dijelaskan oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* sebagaimana katanya :

Ertinya : Sesungguhnya amal *shalih* itu terhapus menurut (pandangan) kami (ulama asy-Syafi'iyah) apabila (murtad itu) bersambung dengan kematian berdasarkan ayat (dalam surah) al-Baqarah dan juga ayat (dalam surah) al-Ma'idah kerana (seseorang itu) tidak menjadi rugi di akhirat melainkan jika dia mati dalam keadaan kafir. Maka tidak wajib mengulangi ibadah-ibadahnya (yang telah dilakukannya) sebelum murtad.

Walaupun bagaimanapun, pahala amal *shalih* yang dilakukan sebelum dia murtad itu terhapus semata-mata dengan sebab dia murtad. Demikian hukum yang disepakati oleh para ulama asy-Syafi'iyah.

Oleh yang demikian, berdasarkan penghuraian di atas, seseorang yang pernah menjadi murtad tetap diwajibkan untuk mengqadha' ibadah-ibadah wajib yang telah ditinggalkannya sepanjang tempoh dia murtad seperti sembahyang fardhu, puasa Ramadhan dan zakat sekiranya dia kembali kepada Islam. Tetapi ibadah wajib yang pernah dilakukannya sebelum dia murtad tidak diwajibkan untuk diqadha', namun pahala ibadahnya itu semuanya terhapus.

APABILA seorang Islam menjadi murtad, maka dia wajib diminta untuk bertaubat pada ketika itu. Jika dia bertaubat, maka dia tidak dikenakan hukuman bunuh. Namun jika dia enggan bertaubat dan enggan kembali kepada Islam setelah dinasihati dan diminta bertaubat, maka dia boleh dikenakan hukuman bunuh.

PASTIKAN TANDA HARGA JELAS, BETUL

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Disember. - Para pengusaha bangku pasar perlu mempamerkan tanda harga yang betul dan jelas selaras dengan keperluan Perintah Kawalan Harga (Paparanda Tanda Harga) agar tidak mengelirukan pengguna.

Keperluan ini ditekankan kepada para pengusaha bangku di Pasar Tani Selayun dan Pasar Jerudong semasa pemeriksaan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan

JABATAN Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah melakukan pemeriksaan di Pasar Tani Selayun dan Pasar Jerudong baru-baru ini (kiri dan kanan).

Ekonomi baru-baru ini.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut, JPES mendapati lebih daripada 80 pengusaha bangku patuh terhadap Perintah Kawalan Harga (Paparanda Tanda Harga).

Sementara itu, segelintir pengusaha bangku masih didapati tidak mempamerkan tanda harga atau mempamerkan tanda harga pada sebahagian barangan yang dijual sahaja.

Berikutan kesalahan-kesalahan tersebut, para pengusaha bangku telah diberi amaran dan dibarigakan mengenai poster paparan tanda harga bagi meningkatkan kesedaran dan kepatuhan.

Pemeriksaan yang dijalankan tersebut bertujuan untuk memantau dan meningkatkan kesedaran dan kepatuhan ke atas Perintah Kawalan Harga (Paparanda Tanda Harga) di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 sebagai usaha berterusan untuk memelihara kepentingan



pengguna dan mempromosi persekitaran perniagaan yang wajar dan telus.

Pemeriksaan semula akan dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuan secara berterusan.

Kegagalan berulang untuk mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul, boleh dikenakan kompaun maksimum sebanyak BND1,000 menurut Bab 10A, Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

Oleh itu, peniaga diingatkan untuk sentiasa memastikan

ketelusan harga dengan mempamerkan tanda harga secara jelas dan betul bagi membolehkan pengguna untuk membuat pembelian yang bermaklumat.

Sebarang aduan atau pertanyaan lanjut mengenai paparan tanda harga boleh disalurkan melalui saluran rasmi iaitu Talian Darussalam 123, WhatsApp +673 8333123 atau e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn, dengan menyertakan dokumen sokongan seperti gambar, bagi penelitian lanjut JPES.

2 syarikat dikenakan denda kompaun

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Selasa, 30 Disember. - Hasil daripada pemeriksaan dan rondaan Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong (JDT) telah mengeluarkan denda kompaun terhadap dua buah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, (Penggal 30).

Syarikat berkenaan ialah Syarikat Haji Mohamed Noor melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (a) dan dikenakan denda kompaun sebanyak BND2,000. Syarikat tersebut telah melakukan kesalahan berkenaan di kawasan Stesen Elektrik Sungai Kelahas, Kampung Keriam.

Sementara Syarikat Ting Heong Ming Contractor Sdn. Bhd.

melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (a) dan dikenakan denda kompaun sebanyak BND2,000. Syarikat tersebut telah melakukan kesalahan berkenaan di tempat projek Lot 3851 Kampung Sengkarai, Tutong.

Sehubungan itu, orang ramai dan masyarakat umum disarankan memberikan kerjasama dan seharusnya peka mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30) seperti gambar yang dipaparkan.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit

kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.



ORANG ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan diingatkan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.

HALUAN

>> Muka 2

Oleh yang demikian, dalam rangka strategi jangka panjang bagi pembangunan bakat dan profesionalisme. Kita juga perlu memastikan agar perniagaan mempunyai akses yang tepat pada masanya kepada bakat penting yang diperlukan bagi membolehkan operasi dijalankan secara cekap serta melangsungkan pertumbuhan.

Sehubungan itu, Kerajaan Brunei Darussalam telah mengambil langkah-langkah penting bagi merapatkan jurang berkenaan dengan menubuhkan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan bagi menyelaraskan pembangunan tenaga kerja selaras dengan keperluan industri serta Jawatankuasa Pemandu Industri Tenaga Manusia bagi menghimpunkan pihak perniagaan, pengawal selia dan institusi pendidikan untuk mengenal pasti kemahiran kritikal. Garis

panduan gaji dan dasar gaji minimum telah diperkenalkan bagi memastikan imbuhan yang adil serta menggalakkan peningkatan kemahiran. Platform digital seperti JobCentre Brunei dan Sistem Pengurusan Tenaga Buruh Kebangsaan telah dilaksanakan bagi membolehkan sistem pepadanan pekerja yang telus. Kerjasama yang lebih mendalam bersama pihak-pihak berkepentingan utama adalah diperlukan bagi memperkemas proses-proses ini. Matlamat kita adalah untuk meningkatkan tahap kemudahan dan ketelusan, seterusnya membolehkan perniagaan menikmati pengunasan yang harmoni dan juga telus bagi penempatan tenaga kerja yang berkesan.

Akhir sekali, cabaran-cabaran tenaga kerja yang kita hadapi turut dikuasai oleh revolusi Kecerdasan Buatan (AI) di peringkat global, yang berpotensi untuk menambah baik atau menggantikan sehingga

57 peratus pekerjaan, sekali gus memberi kesan kepada kira-kira 164 juta tenaga kerja di seluruh Asia Tenggara. Di Negara Brunei Darussalam, kebimbangan utama adalah jurang kesediaan kemahiran yang semakin melebar, memandangkan automasi tugas-tugas rutin berkemungkinan meningkatkan kebergantungan kita terhadap bakat asing bagi mengendalikan aplikasi AI yang canggih sedangkan tenaga kerja tenaga kerja tempatan masih belum dilengkapi sepenuhnya dengan keupayaan tersebut. Sehubungan itu, PMKS perlu melabur dalam literasi AI, manakala majlis-majlis kebangsaan pula perlu mempercepatkan pengintegrasian teknologi AI ke dalam semua kurikulum latihan. Dengan bekerjasama secara strategik untuk menerima AI sebagai alat bagi memperkukuh keupayaan tenaga kerja dengan kemahiran kalis masa hadapan,

mengurangkan gangguan serta memastikan peralihan yang adil dan inklusif bagi sektor ekonomi negara.

Kami mengakui bahawa cabaran-cabaran yang dihadapi oleh PMKS adalah bersifat pelbagai dimensi dan tidak dapat ditangani oleh kerajaan semata-mata sebaliknya ia memerlukan penglibatan yang lebih menyeluruh serta penyertaan aktif antara agensi kerajaan, syarikat dan institusi pendidikan. Cabaran-cabaran ini bukanlah unik kepada Negara Brunei Darussalam, namun pendekatan yang diambil mestilah bersifat pragmatik, berasaskan kerjasama serta selaras dengan keutamaan negara bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Mandat kita adalah jelas kita mesti menghapuskan kekangan yang menghalang pertumbuhan perniagaan, membangunkan kemahiran serta keupayaan sumber manusia yang diperlukan

oleh PMKS serta menghasilkan hasil yang nyata dan berimpak.

Sebagai penutup, saya menggalakkan tuan-tuan dan puan-puan sekalian agar mendekati dialog ini dengan sikap terbuka dan komitmen yang tinggi dengan mengamalkan pendekatan menyeluruh berteraskan seluruh negara. Bersama-sama kita dapat membentuk tenaga kerja yang memperkasa PMKS memperkukuh ekonomi negara serta memacu kemajuan Negara Brunei Darussalam ke arah pencapaian visi jangka panjangnya. Saya menantikan pandangan dan sumbangan daripada semua pihak serta bekerjasama bagi menyelaraskan usaha-usaha kita untuk merangka langkah-langkah yang boleh dilaksanakan secara berkesan demi memastikan PMKS terus berkembang maju.

Wabillahit Walhidayah,
Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْظَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضِّى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايَبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذُنُوبِىْ، فَاَعْفِرْ لِىْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapakan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 199 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 200 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 201 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 202 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 203 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 204 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 205 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 206 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 207 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines

For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 208 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 209 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 210 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 211 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 212 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 213 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
Selasa
6 Januari 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Keterangan Tawaran:

KK / 372 / 2025 / LAB (TC)
To Supply And Deliver Automated
Mycobacteria Liquid Culture &
Antibiotic Susceptibility Testing
With Equipment Rental For
National Mycobacteria Reference
Laboratory, Department Of
Laboratory Services, Ministry Of
Health For A Period Of Five (5)
Years Usage

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Dan Keterangan Tawaran:

KK / 373 / 2025 / LAB (TC)
To Supply And Deliver Pre-Poured
Media Agar (Chromagar & Ssa)
And Powder Media (Miller's Luria
Bertani (LB) Broth & Lim (TODD
HEWITT CNA) Broth For National
Clinical Microbiology Reference
Laboratory, Department Of
Laboratory Services, Ministry Of
Health For A Period Of Three (3)
Years Usage

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Keterangan Tawaran:

KK / 380 / 2025 / HTD (TC)
The Provision Of Maintenance

Services For Reverse Osmosis
Water Purification System For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Dan Keterangan Tawaran:

KK / 381 / 2025 / PIHM (TC)
Disposal Of Clinical Waste
Including Collection,
Transportation And Incinerate
From Pengiran Isteri Hajjah
Mariam, Hospital Temburong To
An Off-Site Location For Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Keterangan Tawaran:

KK / 382 / 2025 / UPP (TC)
Supply And Delivery Of Medical
Consumables For Eye Centre At
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
(RIPAS) Hospital For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Keterangan Tawaran:

KK/383/2025/UPP(TC)
The Management And Operation

Of Kopitiam Café For Women And
Children Centre Of Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha (RIPAS)
Hospital For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Keterangan Tawaran:

KK / 384 / 2025 / UPP (TC)
The Provision And Management
Of Hardware And Software
Solution For "Talian Harapan" Call
Centre For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
13 Januari 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

(18-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03
Pembekalan Dan Penghantaran
Kartrij Dakwat Dan Toner
Pencetak Bagi Kegunaan Pegawai
Dan Kakitangan Jabatan
Pembangunan Masyarakat
(JAPEM)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

(19-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03
Pembekalan Dan Penghantaran
Sampul Surat Percetakan Urusan
Kerajaan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia (KDYMM) Bagi
Semua Unit Dan Bahagian
Dibawah Jabatan Pembangunan
Masyarakat (JAPEM) Untuk
Tempoh 12 Bulan

Tarikh Tutup:
Khamis,
15 Januari 2026,
Jam 2.00 Petang



PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Tawaran Bagi Perkhidmatan Kantin

MOE / LTK / 76 / 2025 / 2026 [DA (BPPA-DIS-2025)]

Tawaran Perkhidmatan Kantin Bagi Kantin Ibu Pejabat, Kementerian Pendidikan, Jalan Airport Lama, Berakas, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND10.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu:

13 Januari 2026, Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin Dikhaskan Bagi Golongan Keusahawanan Mikro, Kecil Dan Sederhana (MSME)

DA / JKSH / 141 / 2025 / 2026 [BPPA-DIS-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:

Sekolah Menengah Berakas Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
Tahun Pertama

6 Bulan Pertama: BND497.00 sebulan

4 Bulan Terakhir: BND994.00 sebulan

Tahun Ke-2 & Tahun Ke-3:
BND994.00 sebulan

Jumlah Tiga (3) Tahun:
BND26,838.00

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Syarat Khas

1. Syarikat Yang Mempunyai Premis Perniagaan Di Daerah Brunei Muara Sahaja.
2. Telah Memperolehi Sijil Dan Mengikuti Kursus-Kursus Keusahawanan Seperti Livewire, BIBD Seeds, DARE Atau Pihak Agensi Yang Berkaitan Dengan



[BPPA-JAN-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan - Keperluan Pemakanan (Makan Tengah Hari) Bagi Program Harapan:

1. Sekolah Rendah Sungai Teraban
2. Sekolah Rendah Labi Daerah Belait

Kementerian Pendidikan. Kod Blok: PH / T8

Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:

Sabtu,
17 Januari 2026
Jam 9.00 Pagi



MAKLUMAN

TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.

Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditandakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn

Bidang Pemakanan.
3. Tidak Pernah Dilantik Sebagai Kantin Pembekal Bagi (MSME).
4. Melampirkan Keterangan Pengalaman Dalam Perkhidmatan Pemakanan.

Sebut Harga bagi Perkhidmatan Kantin

DA / JKSH / 142 / 2025 / 2026 [BPPA-DIS-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:

Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Daerah Temburong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND1,380.00 Sebulan

DA / JKSH / 143 / 2025 / 2026 [BPPA-DIS-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Pusat Tingkatan Enam Tutong Daerah Tutong

Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND614.00 Sebulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Syarat Khas

Dibukakan khas bagi Warga Negara dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, Pemilik Syarikat / Premis Syarikat hendaklah beralamat (mengikut Sijil Perniagaan 16/17) di tempat kantin berkenaan bertapak. Sebagai contoh, hanya pemilik syarikat / premis syarikat yang

beralamat di Daerah Brunei Muara yang dapat dipertimbangkan untuk mengendalikan kantin di sekolah-sekolah yang bertapak di Daerah Brunei Muara.

Sebut Harga Secara Terbuka Bagi Pemeliharaan Dan Penyelenggaraan Kenderaan BG (Nissan Urvan) Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

DA / JKSH / 144 / 2025 / 2026 [BKP-DIS-2025]

Sebut Harga Bagi Pemeliharaan Dan Penyelenggaraan Kenderaan BG (Nissan Urvan) Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 10 Januari 2026
Jam 9.00 Pagi



School Enterprise Resource Planning (ERP) System

MOE / LTK / 55 / 2025 / 2026 (ICT-DISEMBER-2025)

School Enterprise Resource Planning (ERP) System

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND2,005.00

[Bayaran Yuran Tawaran Sebanyak BND2,000.00 Dan E-Dokumen Sebanyak BND5.00 Tidak Dikembalikan]

Tarikh Hari Maklumat:
3 Januari 2026
(Sabtu)

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
10 Januari 2026
(Sabtu)
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Dan Waktu:
31 Mac 2026 –
Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 004 (JPPK / LTN / 05 / 2025)
Construction Of New Hangar C, Rimba Air Force Base

Kelas:
VI

Kategori:
KA01, B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lapan Belas (18) Bulan

Yuran Tawaran :
BND 5,000.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran pada **Selasa, 20 Januari 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa 27 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 002 (JPPK / LTK / 09 / 2025)
Projek Design And Build Bagi Menara Pos Pemerhati Di Pulau Pepatan

Kelas:
III dan Ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01 atau B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Tiga (03) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran pada Jumaat, 9 Januari 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 Januari 2026.
2.00 Petang



Rujukan Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / BOL / 001 (JPPK / LTN / 13 / 2025)
Proposed Design And Build Of Covered Walkway At MINDEF Headquarter, Bolkiah Garrison

Kelas:
III Ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Enam (06) Bulan

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran pada Jumaat, 23 Januari 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Januari 2026
2.00 Petang.



BIJAK MEMANFAATKAN MEDIA SOSIAL

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Disember. - Penggunaan media sosial sebagai alat sokongan pembelajaran memerlukan pendekatan yang lebih terancang dan khusus agar manfaatnya dapat digunakan sepenuhnya oleh kanak-kanak dan pelajar sekolah.

Bimbingan yang jelas dapat membantu memastikan setiap platform digunakan mengikut fungsi pendidikan yang bersesuaian selaras dengan keperluan pembelajaran dan tahap umur anak-anak.

Dalam pembelajaran akademik, platform YouTube boleh dimanfaatkan untuk menonton video pengajaran berstruktur bagi mata pelajaran tertentu seperti Matematik, Sains dan Bahasa.

Manakala saluran pendidikan yang memfokuskan penerangan langkah demi langkah, contoh soalan dan kaedah penyelesaian dapat membantu pelajar mengulang kaji topik yang dipelajari di sekolah.

YouTube turut menjadi medium berkesan bagi kanak-kanak mempelajari kemahiran asas literasi seperti fonik melalui video pembelajaran yang menarik dan interaktif.

Pendedahan awal kepada pembelajaran fonik dapat membantu kanak-kanak mengenal bunyi huruf, membina kemahiran membaca serta meningkatkan kefahaman bahasa secara

berperingkat, selain menyokong perkembangan akademik mereka sejak usia muda.

Sementara itu, video eksperimen Sains, simulasi konsep fizik serta visualisasi grafik Matematik memudahkan pemahaman konsep abstrak yang mungkin sukar difahami melalui buku teks sahaja.

Manakala, aplikasi pemesejan seperti WhatsApp pula boleh digunakan sebagai ruang perbincangan pembelajaran.

Kumpulan khas bagi mata pelajaran tertentu membolehkan pelajar berkongsi nota, bertanya soalan kerja rumah dan mendapatkan maklum balas segera daripada rakan atau guru.

Penggunaan fungsi dokumen, audio dan mesej suara pula memudahkan penerangan ringkas terutama bagi pelajar yang memerlukan penjelasan tambahan di luar waktu persekolahan.

Selain itu, media sosial seperti Instagram dan TikTok juga mempunyai potensi pendidikan sekiranya digunakan secara terkawal dan teratur.

Kandungan berbentuk video pendek boleh dimanfaatkan untuk nota ringkas, tip peperiksaan dan latihan hafalan. Sementara format yang padat dan visual membantu pelajar mengingat maklumat dengan lebih cepat khususnya bagi subjek yang memerlukan hafalan istilah, formula atau fakta asas.

Selain menyokong pembelajaran individu, media sosial boleh digunakan untuk kerja secara berkumpulan sekolah.

Walau bagaimanapun, ibu bapa masih perlu memantau kandungan dan masa penggunaan media sosial anak-anak.

Penetapan had masa harian khusus untuk aktiviti pembelajaran, pemantauan akaun yang diikuti serta penggunaan tetapan keselamatan membantu mengelakkan gangguan kandungan hiburan berlebihan.

Anak-anak juga perlu dibimbing

untuk membezakan antara masa belajar dan masa rehat agar penggunaan media sosial tidak menjejaskan tumpuan akademik.

Dalam aspek literasi digital, anak-anak perlu diajar cara menilai maklumat yang diperolehi melalui media sosial. Ini termasuk mengenal pasti sumber pendidikan yang sah,

membezakan fakta dan pendapat, serta mengelakkan penyebaran maklumat tidak tepat.

Pendekatan berkenaan membolehkan media sosial berfungsi sebagai alat sokongan pendidikan yang praktikal, relevan dan berkesan dalam membantu pencapaian akademik anak-anak.

KANDUNGAN berbentuk video pendek boleh dimanfaatkan untuk nota ringkas, tip peperiksaan dan latihan hafalan.

Sementara format yang padat dan visual membantu pelajar mengingat maklumat dengan lebih cepat khususnya bagi subjek yang memerlukan hafalan istilah, formula atau fakta asas.

Selain menyokong pembelajaran individu, media sosial boleh digunakan untuk kerja secara berkumpulan sekolah.

Walau bagaimanapun, ibu bapa masih perlu memantau kandungan dan masa penggunaan media sosial anak-anak.



DALAM pembelajaran akademik, platform YouTube boleh dimanfaatkan untuk menonton video pengajaran berstruktur bagi mata pelajaran tertentu seperti Matematik, Sains dan Bahasa.

IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.

DARI MAHKAMAH

Lelaki warga asing didenda

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

KUALA BELAIT, Selasa, 30 Disember. - Seorang lelaki warganegara Malaysia dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND5,000 atau lima bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Nur Eleana binti Dato Paduka Haji Hairol Arni menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Felix Peter, 33 tahun di Mahkamah Majistret. Defendan mengaku bersalah memiliki 102 botol minuman keras pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap oleh Pegawai-pegawai Pemeriksa Kastam di Bahagian Ketibaan Pos Kawalan Sungai Tujoh Kuala Belait pada 25 Disember 2025, pukul 8.10 pagi.

Semua barang yang terlibat iaitu minuman keras, telefon bimbit dan wang tunai dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Buah Pisang Masak Lemak RPN Kampung Rimba

BAHAN-BAHANNYA :

3 sisir pisang emas muda
1 1/2 cawan santan
5 biji bawang merah (dikisar)
4 ulas bawang putih (dikisar)
5 tangkai lada besar merah (dihiris)
1 sudu besar lada kisar
1 genggam udang kering (ditumbuk)
Gula secukupnya
Garam dan serbuk perasa

secukupnya
Minyak
Air

CARA-CARA MEMASAK :

Kupas pisang terlebih dahulu kemudian dipotong menyerong. Rendam di dalam air berisi sedikit garam selepas itu baru dicuci bersih. Setelah itu, panaskan minyak dan tumiskan bawang merah dan putih hingga wangi

kemudian masukkan udang kering dengan lada kisar dan masak hingga pecah minyak. Kemudian masukkan pisang yang sudah dibersihkan dan air. Setelah pisang lembut barulah masukkan santan dan lada besar yang telah dihiris. Akhir sekali tambahkan gula, garam dan serbuk perasa secukupnya. Kacau rata dan tutupkan api setelah mendidih. Siap untuk dihidangkan.

OPERASI SEPADU PPDB KESAN PELBAGAI KESALAHAN



PASUKAN Polis Diraja Brunei melaksanakan satu Operasi Sepadu bersama beberapa agensi penguatkuasaan undang-undang pada 24 Disember 2025 yang melibatkan tiga lokasi sasaran.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TUTONG, Isnin, 29 Disember. - Dalam usaha untuk memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang serta memastikan kesejahteraan dan keselamatan masyarakat, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah melaksanakan satu Operasi Sepadu bersama beberapa agensi penguatkuasaan undang-undang pada 24 Disember 2025 yang melibatkan tiga lokasi

(JPE) dan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) dan melibatkan seramai 127 pegawai dan anggota, yang diketuai oleh ASP Ahmad Faez bin Haji Mohd. Hani, Ibu Pejabat Daerah Polis Tutong.


Hasil Operasi Sepadu mendapati sebanyak 12 kompaun kesalahan lalu lintas telah dikeluarkan oleh PPDB di bawah Akta Lalulintas Jalan Raya Penggal 68.

Selain itu, lapan individu telah ditahan atas pelbagai kesalahan melibatkan pemilikan barang tegahan kastam, pelanggaran undang-undang imigresen serta ketidakpatuhan peraturan buruh.

Beberapa rampasan rokok dan minuman keras tanpa permit sah turut dilakukan dan kesemua kes telah diserahkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan selanjutnya mengikut undang-undang yang diperuntukkan.

PPDB akan terus komited melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan lain bagi memastikan keselamatan, ketenteraman dan kesejahteraan masyarakat sentiasa terpelihara dalam suasana yang aman dan harmoni.

Orang ramai adalah dinasihatkan supaya menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kegiatan jenayah kepada Balai Polis berdekatan atau menghubungi Talian Kecemasan Polis, 993.



BEBERAPA rampasan rokok dan minuman keras tanpa permit sah turut dilakukan dan kesemua kes telah diserahkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan selanjutnya mengikut undang-undang yang diperuntukkan (atas dan bawah).



MINDA PEMBACA

Ancaman pencemaran udara terhadap kesihatan masyarakat

PENCEMARAN udara merupakan salah satu ancaman serius yang memberi kesan negatif terhadap kesihatan masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Walaupun negara ini terkenal sebagai sebuah negara yang bersih dan aman, pelbagai aktiviti manusia telah menyebabkan kualiti udara semakin menurun.

Antaranya ialah jerebu akibat pembakaran secara terbuka, pelepasan asap daripada kenderaan bermotor, aktiviti perindustrian, pembakaran sampah atau bahan toksik, serta aktiviti pertanian seperti pembakaran tanah dan penggunaan racun perosak.

Semua faktor berkenaan telah menyumbang kepada pencemaran udara yang boleh memberi kesan

buruk kepada kesihatan manusia.

Pendedahan secara berterusan kepada udara tercemar boleh menyebabkan pelbagai penyakit saluran pernafasan seperti asma, bronkitis dan batuk kronik. Golongan yang paling terdedah ialah kanak-kanak, warga emas dan individu yang menghidap penyakit kronik.

Selain itu, pencemaran udara juga boleh menjejaskan sistem kardiovaskular, yang boleh menyebabkan sakit kepala, keletihan serta mengurangkan keupayaan paru-paru untuk berfungsi dengan baik.

Keadaan berkenaan turut meningkatkan risiko komplikasi bagi pesakit yang menghidap penyakit kronik seperti diabetes dan hipertensi.

Selain memberi kesan kepada kesihatan fizikal, pencemaran udara turut menjejaskan kualiti kehidupan masyarakat. Aktiviti luar seperti bersukan, rekreasi dan pembelajaran di sekolah terpaksa dihadkan apabila tahap Indeks Pencemaran Udara (IPU) berada pada paras tidak sihat. Keadaan berkenaan juga boleh menimbulkan tekanan mental dan kebimbangan dalam kalangan masyarakat.

Oleh itu, langkah pencegahan perlu dilaksanakan secara bersepadu. Pihak kerajaan perlu memperkukuh penguatkuasaan undang-undang alam sekitar dan memastikan aktiviti pembakaran secara terbuka dapat dihadkan.

Masyarakat pula digalakkan

sentiasa mengambil langkah-langkah berwaspada seperti memakai pelitup muka, mengurangkan aktiviti luar semasa keadaan berjerebu serta tidak membakar sampah atau bahan lain ketika keadaan jerebu bagi mengelakkan pencemaran udara bertambah teruk.

Dengan kerjasama semua pihak, kesihatan masyarakat dapat dipelihara dan alam sekitar juga dapat dijaga demi generasi akan datang.

Nama : Muhammad Nasrullah
Mohamad
No. K/P : 01-090XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Memperkasa Komuniti OKU: Membangun Masyarakat Inklusif'. Tarikh Tutup : 31 Disember 2025
- 2.'Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pendidikan'. Tarikh Tutup : 7 Januari 2026
- 3.'Krisis Kanak-kanak Obesiti Perlu Ditangani'. Tarikh Tutup : 14 Januari 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

- 3.Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Oleh : Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

Warga PA perlu peka terhadap cabaran, tangkas melaksanakan tugas

BERAKAS, Isnin, 29 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-32, Tahun 2025. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan mengumiakan titah dan mengumiakan Anugerah-anugerah Perkhidmatan Awam iaitu Sijil Pengiktirafan Program Penggredan Prestasi Sektor Awam melalui Penarafan Bintang (3PSA) kepada empat jabatan.

Procure.bn : Transformasi digital, pertumbuhan ekonomi inklusif

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) mengambil langkah berani ke arah transformasi digital dan pertumbuhan ekonomi inklusif dengan pelancaran rasmi *procure.bn*, sebuah platform perolehan yang menghubungkan perniagaan merentas semua sektor dengan ketelusan, kecekapan dan kemudahan yang lebih baik. Pelancaran berkenaan disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

Pelantikan keahlian Majlis Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Oktober. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawasanya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengumiakan titah perkenan bagi pelantikan keahlian Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam yang baharu iaitu bagi menggantikan ahli-ahli yang telah mansuh tempoh lantikannya. Tarikh lantikan Ahli-ahli Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam yang baharu ini berkuat kuasa mulai Khamis, 17 Rabiulakhir 1447 Hijrah bersamaan 9 Oktober 2025 Masihi bagi tempoh tiga tahun.

Perasmian Mesyuarat BMJCT Pertama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Oktober. - Perasmian Mesyuarat 1st Brunei Darussalam - Malaysia Joint Committee for Cooperation in the Field of Transport (BMJCT) telah diadakan pada 8 Oktober 2025 melalui persidangan video. Mampengurusikan Bersama bagi pihak Negara Brunei Darussalam (NBD) ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin

Haji Mohammad Yusof. Sementara Ketua Setiausaha (KSU) di Kementerian Pengangkutan Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan selaku Pengerusi Bersama bagi pihak Malaysia. Semasa Mesyuarat Pertama ini, BMJCT telah meluluskan Terma Rujukan (TOR) serta Pelan Kerja untuk Tahun 2026 yang akan membimbing Jawatankuasa Bersama serta ahli-ahlinya untuk melaksanakan objektif MoU.

Berangkat menyaksikan Persembahan Dron Malam Gemilang UBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Oktober. - Langit di atas Stadium Negara Hassanal Bolkiah disinari dengan pertunjukan cahaya dron yang menakjubkan serta bunga api berwarna-warni, diiringi pelbagai persembahan menghiburkan yang memukau lebih 21,000 penonton semasa acara Persembahan Malam Gemilang UBD Drone Show anjuran Bersama Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Imagine Sdn. Bhd. (Imagine). Acara tersebut dimeriahkan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD. Turut berangkat ialah paduka-paduka anakanda baginda.

Berangkat ke Majlis Ulang Tahun Puja Usia

JERUDONG, Ahad, 19 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Puja Usia baginda Ke-79 yang disembahkan oleh Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu (KI). Majlis tersebut diadakan di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Jerudong Polo Club.

MMN diterima sebagai Ahli Rasmi Ke-183 IPU

GENEVA, SWITZERLAND, Isnin, 20 Oktober. - Mesyuarat Governing Council bagi Inter-Parliamentary Union (IPU) bersidang hari ini dan meluluskan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diterima sebagai Ahli Rasmi Ke-183 IPU. Hari ini mencatatkan detik bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan keputusan tersebut yang dicapai melalui resolusi yang diluluskan, sebagai tanda keahlian rasmi MMN dalam organisasi antara-parlimen tertua dan terbesar di dunia. Perasmian keahlian tersebut diadakan di Mesyuarat Perhimpunan 151st Assembly of the Inter-Parliamentary Union (IPU). Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, dalam ucapan penerimaan menegaskan penyertaan MMN sebagai detik bersejarah dalam merealisasikan aspirasi jangka panjang untuk menjadi sebahagian daripada komuniti antara-parlimen global.

Berangkat ke Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Ahad, 26 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, hari ini berangkat ke Kuala Lumpur Convention Centre bagi menghadiri Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berangkat ke Resepsi sempena Republik Demokratik Timor-Leste menjadi Ahli ASEAN

KUALA LUMPUR, Isnin, 27 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Resepsi yang dihoskan oleh Republik Demokratik Timor-Leste sempena menjadi Ahli Baharu ASEAN, yang diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre, hari ini. Republik Demokratik Timor-Leste secara rasminya telah menjadi Negara Anggota ASEAN Ke-11 semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47. Keahlian baharu ini dijangka akan meluaskan jangkauan serantau dan integrasi ekonomi ASEAN serta mengukuhkan komitmen ASEAN terhadap keterangkuman.

Perkukuhkan integrasi serantau, pacu pertumbuhan inklusif, mampan

GYEONGJU, REPUBLIK KOREA, Jumaat, 31 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri APEC Economic Leaders' Informal Dialogue with Guests (Session 1) yang berlangsung di Gyeongju Hwabaek International Convention Center (HICO), Gyeongju, Republik Korea.

DYTM dinaikkan pangkat ke Leftenan Kolonel

BOLKIAH GARISON, Khamis, 6 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dinaikkan ke pangkat Leftenan Kolonel, yang berkuat kuasa mulai 8 Ogos 2025.

Majlis Perasmian Kedai 1K1P Daerah Belait

BELAIT, Ahad, 9 November. - Kedai Satu Kampung Satu Produk (1K1P) Daerah Belait yang terletak di bekas bangunan Pejabat Pos Belait, Jalan McKerron, Kuala Belait telah dirasmikan pada 9 November lalu. Perasmian kedai tersebut disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Penyerahan 10 buah Jentera WRL Fasa 1

BERAKAS, Sabtu, 8 November. - Sebagai langkah memperkukuh kesiapsiagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat, sebanyak 10 buah Jentera Water Tender Ladder (WRL) Fasa 1 telah diserahkan sebagai sebahagian daripada inisiatif kerajaan untuk meningkatkan keupayaan operasi pemadaman kebakaran dan penyelamatan.

Usaha berkenaan mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri dalam menyediakan sumber serta peralatan moden bagi menyokong kecekapan dan keselamatan anggota bomba semasa melaksanakan tugas.

Memperkukuh kerjasama, berkongsi kepakaran, memperdalamkan penglibatan industri

BANGKOK, Isnin, 10 November. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff telah menghadiri Defense and Security 2025 Exhibition, yang berlangsung dari 10 hingga 13 November 2025 bertempat di IMPACT Exhibition & Convention Centre, Muang Thong Thani, Bangkok, Thailand.

Rombongan Kementerian Pertahanan ke pameran berkenaan disertai oleh Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Brigedier Jeneral Aldi bin Haji Hassan; dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan.

Mentakrif peranan pendidikan tinggi dalam membentuk masa depan

TUNGKU LINK, Selasa, 11 November. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) buat julung kalinya menganjurkan Sidang Kemuncak dan Pameran Pendidikan Tinggi Antarabangsa mengenai Keusahawanan, Inovasi dan Pengkomersialan (International Higher Education Summit and Exhibition on Entrepreneurship, Innovation & Commercialisation - IHEEIC) 2025 selama dua hari bermula 11 hingga 12 November 2025.

Majlis Perasmian IHEEIC 2025 berlangsung di Dewan Canselor, UBD dan dihadiri oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku tetamu kehormat majlis.

Presiden BDNOB beri sokongan atlet negara

RIYADH, ARAB SAUDI, Selasa, 11 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOB) berkenan berangkat menyaksikan Pertandingan Sukan Weightlifting yang melibatkan atlet negara.

Atlet negara, iaitu Awang Mohammad bin Haji Kamit menyertai pertandingan bagi Kategori Men's 79 Kilogram (kg) pada Sukan Perpaduan Islam Ke-6 2025 (6th Islamic Solidarity Games - ISG 2025). ISG Ke-6 2025 telah berlangsung bermula pada 7 hingga 21 November 2025 di Riyadh, Arab Saudi.

Perasmian fasiliti pengisaran padi yang dinaik taraf

PENGKALAN BATU, Rabu, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Majlis Perasmian Pembukaan Fasiliti yang dinaik taraf bagi Pengisaran Padi Syarikat WMC yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan. Berangkat sama paduka-paduka anakanda baginda. Wasan Milling Company Sendirian Berhad (WMC) adalah sebuah entiti di bawah Darussalam Assets Sdn. Bhd. yang komited menyumbang kepada sekuriti makanan negara melalui aktiviti pengisaran dan pemprosesan beras tempatan.

>> Muka 21



>> Muka 20 Kebawah DYMM berkenan menerima penganugerahan Bintang Kebesaran Hungary

BUDAPEST, HUNGARY, Selasa, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima penganugerahan Bintang Kebesaran Hungary 'The Grand Cross of The Hungarian Order of Merit with Chain and Gold Star'.

Penganugerahan tersebut disembahkan oleh Presiden Hungary, Tuan Yang Terutama Dr. Tamás Sulyok Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Anugerah tersebut, antara lainnya, adalah sebagai satu pengiktirafan dan simbol komitmen Hungary untuk terus bekerjasama dengan NBD dalam memelihara kesejahteraan rakyat kedua-dua buah negara. Anugerah tersebut merupakan penghormatan tertinggi daripada Hungary yang telah diwujudkan sejak negara berkenaan mencapai kemerdekaan.

8 acara sukan dipertandingkan pada ASG14

BERAKAS, Khamis, 20 November. - Seramai 981 atlet-pelajar yang disertai daripada 10 buah negara ASEAN bertanding pada Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14) Tahun 2025 bermula 20 November hingga 28 November lalu bagi lapan acara sukan, iaitu badminton, bola keranjang, bola jaring, olahraga, sepak takraw, renang, pencak silat dan wusyu.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan ASG14 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif ASG14.

Meningkatkan pemahaman peserta tentang ekonomi rantau BIMP-EAGA

BERAKAS, Ahad, 23 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mencatat pencapaian serantau penting dengan pelancaran dan pelepasan rasmi Program Bas Belia BIMP-EAGA 2025 pada 23 November lalu. Program berkenaan telah menghimpunkan belia dari NBD, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina untuk mengikuti perjalanan pembelajaran merentasi destinasi-destinasi terpilih dalam rantau BIMP-EAGA.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan majlis berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Perasmian Kenali KementerianKu

BERAKAS, Isnin, 24 November. - Acara Kenali KementerianKu merupakan platform untuk membarigakan maklumat terkini berkaitan dasar-dasar semasa, inisiatif-inisiatif baharu, perkhidmatan-perkhidmatan, akta-akta serta peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya serta maklumat berkaitan dengan penghulu mukim dan ketua kampung kepada orang ramai termasuk agensi-agensi kerajaan, pihak syarikat swasta dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs).

Perasmian majlis tersebut berlangsung di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat pada 24 November lalu.

Berkenan rasmikan Ekspo Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan 2025

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Ekspo Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan 2025 (Primary Resources and Tourism Expo 2025) di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas pada 27 November lalu.

Ekspo Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan 2025 yang bertemakan 'Innovative and Sustainable Primary Resources and Tourism' ini adalah julung kalinya diadakan bagi tujuan mengetengahkan kejayaan dan pencapaian pengusaha-pengusaha dalam sektor pertanian dan agrikamakanan, perikanan, perhutanan, serta pelancongan dan juga pengusaha-pengusaha yang telah berjaya menembusi pasaran eksport. Ini adalah selaras dengan aspirasi negara untuk memperkukuhkan daya saing sektor-sektor di bawah KSSUP.

Pelancaran The Brunei Half Marathon 2025

BERAKAS, Sabtu, 29 November. - Brunei Half Marathon 2025 telah dilancarkan secara rasmi sekali gus menandakan pembukaan Festival Disember Brunei Ke-9. Majlis pelancarannya berlangsung di Stadium Tertutup, Berakas dan disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku tetamu kehormat.

Berkenan berangkat menyertai acara larian bagi Kategori 10km Run ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Fathul Ilmi 1.0 : Bantu ringankan perbelanjaan keluarga mualaf

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Disember. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Persatuan Nurul Islam (PNI) buat julung kalinya menganjurkan projek 'Fathul Ilmi 1.0' bagi Tahun 2025 sempena persediaan sesi persekolahan 2026 dengan majlis perasmian projek berkenaan berlangsung di Bilik Mauizhah, Bangunan Darul Huda, PDI.

Antara persembahan majlis perasmian berkenaan ialah menerima sumbangan daripada orang ramai kepada PDI di mana penerimaan sumbangan bagi projek berkenaan dibukakan kepada orang ramai selama empat hari bermula 1 hingga 4 Disember 2025, mulai jam 8.30 pagi sehingga 11.30 pagi dan jam 2.00 petang hingga 3.30 petang, bertempat di Bilik Mauizhah, Bangunan Darul Huda, PDI.

Menyediakan penjagaan pergisian bertaraf dunia berasaskan teknologi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Disember. - Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre - JPMC) mencatat satu lagi pencapaian penting dalam penjagaan pergisian moden dengan pelancaran rasmi sistem Computer Aided-Design (CAD) atau Computer-Aided Manufacturing (CAM) terbaharu serta perkhidmatan rawatan Clear Aligner.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa acara 'Evolving Smiles : The Power of Digital Dentistry' yang berlangsung di Bangunan Pusat Pakar Pantai Jerudong (Pantai Jerudong Specialist Centre - PJSC), Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Berangkat ke Program Kemasyarakatan Jabatan Penjara, JDBM

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Disember. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Program Kemasyarakatan Jabatan Penjara serta Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) dengan kolaborasi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) 2025.

Sukan SEA Ke-33 dirasmikan

BANGKOK, Selasa, 9 Disember. - Stadium Negara Rajamangala bermandikan cahaya penuh warna-warni sebagai simbolik persahabatan yang harmoni bagi Negara-negara Anggota ASEAN pada Upacara Pembukaan Rasmi Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 yang membawakan tema, 'Amity of ASEAN' yang penuh gilang-gemilang.

Berkenan berangkat ke upacara tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Turut berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Penganugerahan SEA Games Federation Order of the Golden Rings Awards

BANGKOK, THAILAND, Isnin, 8 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) telah berkenan berangkat menghadiri SEA Games Council Meeting yang berlangsung di The Grand Fourwings Convention Hotel, Bangkok, Thailand.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah telah dikurniakan SEA Games Federation Order of the Golden Rings Awards iaitu pengurniaan tertinggi SEA Games Federation (SEAGF).

NBD raih pengiktirafan antarabangsa pada APICTA 2025

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah meraih pengiktirafan antarabangsa apabila memenangi satu Anugerah Pemenang dan dua Anugerah Merit pada 24th Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) Awards 2025, baru-baru

ini.

Pertandingan berprestij berkenaan telah bermula dari 4 hingga 8 Disember 2025 sekali gus menyaksikan pasukan negara bersaing dengan 206 pasukan daripada 12 ekonomi anggota.

Sebanyak enam pasukan telah mewakili NBD, dan kesemuanya berjaya meraih kemenangan dalam Pertandingan BICTA 2025 setelah bersaing dalam tujuh kategori secara tidak langsung menonjolkan keupayaan negara dalam inovasi teknologi yang semakin meningkat.

Hadir menyambut ketibaan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 10 Disember lalu, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Meningkatkan keterhubungan, keupayaan pengendalian kargo negara

MUARA, Sabtu, 13 Disember. - Muara Port Company Sendirian Berhad (MPC) mencatat satu lagi pencapaian penting dalam pembangunan sektor maritim dan logistik Negara Brunei Darussalam dengan berlangsungnya persinggahan sulung Shandong International Transportation Corp (SITC) dan Warisan Shipping Line (WSL) yang diadakan di Cruise Ship Centre (CSC).

Pencapaian ini mencerminkan peningkatan keyakinan rakan serantau dan antarabangsa terhadap keupayaan Pelabuhan Muara serta peranannya yang semakin berkembang sebagai pintu masuk logistik serantau.

Memelihara tradisi serumpun, memastikan warisan budaya berkembang

NEW DELHI, REPUBLIK INDIA, Sabtu, 13 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) meraikan pencapaian budaya bertaraf antarabangsa dengan penyenaaran Pantun ke dalam Senarai Perwakilan Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), baru-baru ini.

Penyertaan ini mengukuhkan peranan NBD, bersama Republik Indonesia dan Malaysia, dalam memelihara tradisi serumpun yang telah menjadi teras kesantunan Melayu dan kesinambungan budaya maritim Nusantara. Pengiktirafan ini menyerlahkan komitmen negara untuk terus memperkukuh warisan budaya hidup sebagai asas identiti nasional dan hubungan sosial masyarakat.

Pasukan Polo NBD rangkul pingat gangsa bagi Kategori '4-6 Goal'

BANGKOK, THAILAND, Jumaat, 19 Disember. - Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam (NBD) berjaya menundukkan Pasukan Polo Republik Indonesia dengan keputusan mata 6-5, sekali gus merangkul pingat gangsa pada Perlawanan Polo bagi Kategori '4-6 Goal' semasa Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, 2025 yang berlangsung di Padang Vs Sports Club, Bangkok, Thailand.

Berangkat mewakili Pasukan Polo NBD, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



MOSCOW, 29 Dis. - Republik Islam Iran melancarkan tiga satelit buatan tempatan ke angkasa lepas menggunakan roket Soyuz Persekutuan Rusia, lapor Agensi Berita Republik Islam (IRNA).

REPUBLIK ISLAM IRAN LANCAR 3 SATELIT DOMESTIK GUNAKAN ROKET SOYUZ PERSEKUTUAN RUSIA

Satelit berkenaan, yang dinamakan Zafar-2, Paya dan Kowsar-1.5, dilancarkan pada 4.48 petang waktu Tehran pada Ahad dari Kosmodrom Vostochny, Persekutuan Rusia, menggunakan roket pembawa Soyuz-2.1b.

Menurut syarikat angkasa negara

Persekutuan Rusia, Roscosmos, beberapa minit selepas pelancaran, roket Soyuz berjaya berlepas seperti dirancang dan akan menempatkan satelit itu ke orbit yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Komunikasi Republik Islam Iran dan Ketua Institut Penyelidikan Angkasa

Republik Islam Iran, Vahid Yazdani berkata ketiga-tiga satelit pemerhatian bumi itu dibina oleh sektor swasta.

Beliau berkata satelit itu mampu menghantar data pengimejan dengan resolusi antara 15 meter hingga kurang daripada lima meter, yang boleh digunakan untuk

pelbagai aplikasi awam di dalam negara, termasuk pertanian, pengurusan sumber air dan pemantauan alam sekitar.

Satelit baharu itu akan beroperasi pada ketinggian kira-kira 500 kilometer di atas bumi, iaitu dikenali sebagai orbit rendah Bumi (LEO). - ©BERNAMA

16 maut dalam kebakaran rumah kebajikan di Manado, Republik Indonesia

JAKARTA, 29 Dis. - Seramai 16 orang maut dalam kebakaran tragis di sebuah rumah penjagaan warga emas di Manado, ibu kota wilayah Sulawesi Utara pada Ahad, dengan pihak polis kini sedang bertungkus-lumus menjalankan proses pengecaman identiti mangsa, lapor Xinhua.

Mayat mangsa kini ditempatkan di Hospital Bhayangkara Poldas Sulawesi Utara untuk proses pengecaman, menurut Ketua Perhubungan Awam Polis Daerah Sulawesi Utara (Polda Sulut),

Alamsyah P. Hasibuan. Beliau berkata proses itu bertujuan mengenal pasti identiti penuh mangsa sebelum diserahkan kepada anggota keluarga untuk urusan pengebumian.

Kebakaran berlaku kira-kira 8.36 malam waktu tempatan pada Ahad di rumah penjagaan warga emas Panti Weridha Damai yang terletak di Kelurahan Ranomuut, Daerah Paal Dua, Manado. Api berjaya dipadamkan sekitar 9.30 malam selepas tiga jentera bomba milik kerajaan bandar Manado

dikerahkan ke lokasi kejadian.

Susulan laporan kebakaran itu, pihak polis segera mengambil tindakan mengawal kawasan kejadian serta membantu operasi menyelamat. Mangsa yang terselamat dibawa ke Hospital Daerah Kota Manado dan Hospital Permata Bunda.

Pasukan forensik polis turut menjalankan siasatan, termasuk pemeriksaan tempat kejadian dan menemu bual beberapa saksi, bagi menentukan punca kebakaran, menurut Hasibuan. - ©BERNAMA

Pesalah skim penipuan di Republik Singapura boleh dikenakan sebatan mulai 30 Disember 2025

REPUBLIK SINGAPURA, 29 Dis. - Pesalah yang disabitkan dengan penipuan atau kesalahan berkaitan skim penipuan di Republik Singapura boleh dikenakan hukuman sebat bermula Selasa, di bawah Akta Undang-undang Jenayah (Pindaan Pelbagai) 2025 yang diluluskan pada November lalu, menurut Pasukan Polis Republik Singapura pada Isnin, lapor Xinhua.

Di bawah undang-undang itu, pesalah akaun keldai boleh dikenakan sehingga 12 sebatan, manakala penipu dan anggota sindiket boleh berdepan hukuman sebatan mandatori antara enam hingga 24 sebatan, menurut polis dalam satu hantaran di Facebook.

Kementerian Ehsan Dalam Negeri Singapura dalam kenyataan bertarikh 19 Disember berkata usaha memerangi penipuan kekal sebagai 'keutamaan utama negara', dengan mengambil kira kebimbangan berterusan terhadap jumlah kes penipuan dan kerugian yang dialami.

Polis turut menggesa orang ramai agar tidak berkongsi maklumat peribadi sensitif yang boleh dieksploitasi oleh penjenayah, termasuk Singpass (sistem identiti digital nasional Republik Singapura), serta akaun bank, akaun pembayaran dan kad SIM. - ©BERNAMA

Kulit telur bukan sekadar sisa, jadi terapi dan ilmu lestari komuniti

KOTA BHARU, 29 Dis. - Apa yang lazimnya berakhir di tong sampah kini diberi nilai baharu, apabila kulit telur dimanfaatkan sebagai baja organik melalui inisiatif kitar semula yang bukan sahaja menyokong kelestarian alam sekitar malah menjadi medium terapi, pembelajaran dan penyatuan komuniti.

Di Min House Camp, Kubang Kerian di sini, usaha itu menghubungkan kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) sindrom Down, pelajar institusi pengajian tinggi dan sukarelawan antarabangsa dalam satu ekosistem pembelajaran berasaskan alam, membuktikan inovasi boleh bermula daripada perkara kecil tetapi memberi kesan besar kepada manusia dan persekitaran.

Presiden Persatuan Sindrom Down Negeri Kelantan, Wan Noriah Wan Ramli berkata inovasi berasaskan kulit telur di Min House Camp itu dilaksanakan di bawah persatuan berkenaan yang kini memasuki tahun ke-10 penubuhannya dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Beliau yang juga pemilik Min House Camp berkata program berkenaan menerima Dana Memperkasa OKU Sindrom Down bagi 2026, dengan satu daripada komponen utama memfokus kepada penghasilan baja organik dan kompos menggunakan bahan semula jadi.

"Antara bahan yang diketengahkan ialah kulit telur kerana kebiasaannya ia dibuang, sedangkan kandungan kalsiumnya sangat baik untuk kesuburan tanah dan pertumbuhan tanaman," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Bagi menyokong pelaksanaan program itu, Min House Camp menjalin kerjasama dengan beberapa sekolah, termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Peir Chih dan Sekolah Kebangsaan Kedai Piah yang mengumpulkan serta menyumbangkan kulit telur kering untuk digunakan dalam aktiviti kompos.

Wan Noriah berkata bahan tersebut dimanfaatkan dalam aktiviti bersama anak-anak OKU Sindrom Down, bukan sahaja bagi menghasilkan baja malah sebagai latihan motor halus melalui aktiviti menumbuk dan menghancurkan kulit telur.

"Amalan ini boleh diteruskan di rumah kerana kulit telur dari dapur boleh terus digunakan sebagai baja, sekali gus membuka minda komuniti supaya lebih menghargai sumber yang sering dianggap sisa," katanya.

Beliau berkata program itu turut disokong pelajar institusi pengajian tinggi, termasuk tiga pelajar Universiti Malaysia Kelantan dan dua lulusan Politeknik Kota Bharu daripada pelbagai bidang seperti pertanian, alam sekitar dan pelancongan yang menjalani khidmat komuniti secara bergilir di lokasi berkenaan.

Mengulas lanjut, Wan Noriah berkata Min House Camp turut berdaftar sebagai destinasi agropelancongan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan pendekatan "kembali ke alam semula jadi" yang menekankan penggunaan input organik sepenuhnya tanpa baja atau bahan kimia.

Beliau berkata hingga kini, lebih 1,100 kilogram kulit telur telah dikumpulkan hasil sumbangan

sekolah, kediaman persendirian, restoran dan hotel, yang akan dikeringkan terlebih dahulu sebelum digunakan.

"Inisiatif ini bukan bertujuan menjana keuntungan kerana kami tidak menjual hasil tanaman atau baja, sebaliknya mengamalkan konsep pertukaran ilmu dan bahan bagi mendidik komuniti tentang penjimatan kos, penjagaan alam sekitar dan kehidupan yang lebih harmoni," katanya.

Tambah beliau melalui Inisiatif Resort Benih Komuniti itu, amalan perkongsian benih organik dan kitar semula diyakini mampu membentuk masyarakat yang lebih berdaya tahan serta tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber komersial.

Sementara itu, sukarelawan dari Maghribi, Elias Azzakriti, 27, menyifatkan penglibatannya dalam program berkenaan sebagai pengalaman baharu yang membuka perspektif terhadap amalan kelestarian alam sekitar.

"Sebelum ini saya tidak tahu kulit telur boleh digunakan sebagai baja organik walaupun negara saya turut mengamalkan gaya hidup tradisional. Ini satu ilmu yang berguna juga untuk saya," katanya.

Seorang lagi sukarelawan, Anas Zehti, 26, berkata proses kitar semula itu melibatkan pemotongan kulit telur kepada kepingan kecil sebelum dimasukkan ke dalam tanah bagi membantu pembentukan struktur tanah yang lebih subur secara semula jadi.

Beliau berkata kaedah itubukan sahaja mesra alam malah menjimatkan kerana tidak perlu lagi untuk membeli baja bagi menyuburkan tanaman. - ©BERNAMA

PM Australia umum terma semakan semula serangan di Bondi Beach

CANBERRA, 29 Dis. - Perdana Menteri Australia, Anthony Albanese pada Isnin mengumumkan terma rujukan bagi semakan bebas terhadap serangan pengganas di Bondi Beach, namun sekali lagi menolak gesaan untuk menubuhkan suruhanjaya diraja, lapor Xinhua.

Semakan itu, yang diketuai oleh bekas ketua perisikan Dennis Richardson, akan menilai sama ada pelbagai agensi, termasuk Pertubuhan Perisikan Keselamatan Australia (ASIO) dan Polis Persekutuan Australia, beroperasi dengan berkesan sebelum serangan berlaku.

Semakan juga akan meneliti pertimbangan yang dibuat oleh agensi berkaitan serta sama ada langkah tambahan boleh diambil bagi mencegah serangan itu.

Menurut Perbadanan Penyiaran Australia (ABC), semakan itu dijangka siap dan diterbitkan menjelang April.

Pihak pembangkang serta beberapa keluarga mangsa tembakan di Bondi Beach menggesa perdana menteri menubuhkan suruhanjaya diraja - bentuk siasatan tertinggi bagi perkara berkepentingan awam di Australia.

Menteri Hal Ehsan Dalam Negeri, Tony Burke berkata semakan bebas, berbanding suruhanjaya diraja, akan membolehkan kerajaan menangani 'keperluan mendesak isu keselamatan negara' dengan lebih berkesan.

Seramai 16 orang, termasuk seorang lelaki yang didakwa sebagai penyerang, maut dalam kejadian tembakan di Bondi Beach pada 14 Disember. Pelaku dikenal pasti sebagai Sajid Akram, 50 tahun dan anak lelakinya Naveed Akram, 24 tahun. - ©BERNAMA

13 maut, 98 cedera kereta api terjunam dalam gaung selepas tergelincir di selatan Mexico

MEXICO CITY, 29 Dis. - Seramai 13 orang terbunuh manakala 98 lagi cedera selepas kereta api penumpang yang membawa 241 penumpang dan sembilan anak kapal tergelincir di atas jambatan berhampiran Nizanda di selatan Mexico pada Ahad, lapor Xinhua.

Kereta api itu dilaporkan terjunam ke dalam gaung ketika dalam perjalanan menuju ke perbandaran Matias Romero, menurut Gabenor Oaxaca, Salomon Jara.

Pihak berkuasa melancarkan operasi menyelamat menggunakan tali dan peralatan khas bagi mengeluarkan mangsa yang terperangkap di dalam gerabak kereta api berkenaan.

"Anggota penyelarasan perlindungan awam dan pengurusan risiko negeri, polis trafik negeri serta pasukan ambulans kini berada di lokasi bagi memberikan bantuan, dengan kerjasama Sekretariat Tentera Laut. Kami akan terus mengemas kini perkembangan terkini," kata gabenor itu. - ©BERNAMA

REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM DIANGGARKAN MENERIMA 21.5 JUTA PELANCONG ANTARABANGSA PADA 2025



HANOI, 30 Dis. - Republik Sosialis Viet Nam dianggarkan akan menerima 21.5 juta ketibaan pelancong antarabangsa pada tahun 2025, lapor akhbar harian tempatan Nhan Dan pada Isnin, dengan memetik laporan Pihak Berkuasa Pelancongan Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam.

Negara Asia Tenggara tersebut juga dijangka menerima seramai 135.5 juta pelancong domestik pada tahun ini, menurut laporan berkenaan.

Jumlah hasil pelancongan

PELANCONG melawat Van Mieu-Quoc Tu Giam (Kuil Kesusasteraan) di Hanoi, Republik Sosialis Viet Nam, pada 24 Mac 2025. (Xinhua/Zhu Wei)

dianggarkan melebihi 1 kuadrilion dong Republik Sosialis Viet Nam, bersamaan kira-kira 39.8 bilion dolar Amerika Syarikat.

Bagi tahun 2026, Republik Sosialis Viet Nam menasaskan

25 juta ketibaan pelancong antarabangsa dan 150 juta pelancong domestik, dengan hasil pelancongan dijangka melepasi 1.12 kuadrilion dong Republik Sosialis Viet Nam, atau kira-kira 44.6 bilion dolar Amerika Syarikat. - ©XINHUA

3 maut akibat banjir di selatan Sepanyol

BARCELONA, 30 Dis. - Tiga individu maut selepas hujan lebat menyebabkan banjir di selatan Sepanyol, lapor agensi berita Jerman (dpa) memetik penyiar awam RTVE pada Isnin.

Seorang lelaki ditemukan maut oleh pasukan penyelamat pada Ahad selepas van yang dipandunya dihanyutkan arus berhampiran Alhaurin el Grande, di barat Malaga, menurut laporan RTVE yang memetik datuk bandar kawasan itu.

Seorang lagi penumpang lelaki daripada van berkenaan ditemukan meninggal dunia pada pagi Isnin.

Seorang lelaki ketiga maut selepas cuba menyeberangi sungai yang dilanda banjir dengan menaiki motosikal kecil jenis *moped* berhampiran bandar Illora, dekat Granada.

Penumpang yang bersamanya berjaya menyelamatkan diri pada saat akhir dan memaklumkan kejadian itu kepada perkhidmatan pertahanan awam, menurut

RTVE.

Pihak berkuasa sebelum ini mengeluarkan amaran tahap tertinggi buat sementara waktu bagi wilayah Costa del Sol di pesisir Andalusia pada petang Sabtu, dengan menghantar amaran cuaca kepada penduduk menerusi telefon bimbit.

Beberapa stesen pengukuran merekodkan sehingga 100 liter hujan bagi setiap meter persegi dalam tempoh beberapa jam, lapor akhbar Diario Sur. - ©BERNAMA

PBB tegaskan hormati kedaulatan, integriti wilayah Somalia di bawah resolusi UNSC

HAMILTON, 30 Dis. - Seorang pegawai kanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Isnin menegaskan semula penghormatan terhadap kedaulatan, integriti wilayah dan perpaduan Somalia yang dijamin di bawah Resolusi Majlis Keselamatan 2809 (UNSC), lapor Anadolu Ajansi (AA).

Khaled Khiari, Penolong Setiausaha Agung PBB bagi Timur Tengah, Asia dan Pasifik di Jabatan Hal Ehwal Politik dan Pembinaan Keamanan serta Operasi Keamanan, memberikan taklimat mengenai keputusan terbaru Israel untuk mengiktiraf wilayah Somaliland yang memisahkan diri dari Somalia sebagai sebuah negara merdeka dalam satu sesi tergempar Majlis Keselamatan.

"Saya ingin mengingatkan, sepertimana Setiausaha Agung, bahawa Majlis Keselamatan telah berulang kali menegaskan penghormatan terhadap kedaulatan, integriti wilayah, kemerdekaan politik dan perpaduan Somalia, seperti yang ditegaskan baru-baru ini dalam resolusi 2809 (2025) pada 23 Disember 2025," kata Khiari.

Sambil menyeru Somalia dan wilayah Somaliland untuk "terlibat dalam dialog yang aman dan membina", beliau juga menggesa mereka untuk "menahan diri daripada sebarang tindakan yang boleh memburukkan lagi keadaan".

Wakil Tetap Somalia ke PBB Abukar Dahir Osman, yang bercakap bagi pihak negaranya dan kumpulan A3+ (Algeria, Guyana, dan Sierra Leone), berkata: "A3+ mengutuk sekeras-kerasnya

serangan terang-terangan oleh Israel terhadap perpaduan dan integriti wilayah Somalia dengan mengiktiraf wilayah barat laut Somalia, yang dikenali sebagai Somaliland, sebagai entiti bebas sedangkan ia secara sah tidak mempunyai kapasiti untuk memeterai sebarang perjanjian atau pengiktirafan dengan negara lain".

"A3+ tidak akan menerima mahupun membiarkan penggunaan mana-mana wilayah secara haram, apatah lagi wilayah negara berdaulat yang merupakan anggota PBB, untuk menafikan hak menentukan nasib sendiri bagi rakyat yang telah menjadi mangsa jenayah terhadap kemanusiaan selama bertahun-tahun," katanya.

Menegaskan bahawa masa depan rakyat Palestin atau Somalia tidak boleh "dijadikan sebagai bahan tawar-menawar", Osman berkata: "Tindakan Israel bukan sahaja mewujudkan satu duluan (*precedent*) yang berbahaya tetapi juga mendatangkan ancaman serius kepada keamanan serta keselamatan serantau dan antarabangsa".

Timbalan Wakil Tetap United Kingdom ke PBB James Kariuki, menegaskan bahawa negaranya tidak mengiktiraf wilayah Somalia yang terpisah dan mengulangi "sokongan terhadap kedaulatan, integriti wilayah, kemerdekaan politik dan perpaduan Somalia".

"Kami kesal dengan sebarang tindakan yang berisiko menjejaskan keamanan dan keselamatan di rantau ini," tambahnya. Timbalan Wakil Tetap Republik Rakyat China ke PBB Sun Lei, menzahirkan sokongan terhadap gesaan sesi

tergempar mengenai pengiktirafan Israel itu dan berkata: "Ini telah meningkatkan lagi ketegangan di Tanduk Afrika, serta menarik kritikan dan kecaman hebat daripada organisasi serantau".

Menyampaikan kebimbangan mendalam terhadap tindakan Tel Aviv, Sun berkata: "Somaliland adalah bahagian penting dalam wilayah Somalia. China teguh menyokong kedaulatan, perpaduan dan integriti wilayah Somalia serta menentang sebarang tindakan untuk memecahbelahkan wilayahnya".

Kaunselor kanan Persekutuan Rusia ke PBB, Dina Gilmudtinova, menyuarakan sentimen majoriti ahli Majlis Keselamatan dan menyatakan kebimbangan mendalam terhadap langkah Israel tersebut.

"Kami juga ingin menekankan bahawa keputusan seperti yang diambil oleh kabinet Israel berisiko merumitkan lagi usaha Mogadishu dan rakan kongsinya untuk memerangi penganas al-Shabaab," katanya.

Timbalan Wakil Tetap Republik Islam Pakistan ke PBB Muhammad Usman Iqbal Jadoon, turut mengutuk keras tindakan Israel dan berkata: "Ia adalah serangan langsung terhadap sempadan Somalia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan merupakan pencabulan nyata terhadap undang-undang antarabangsa".

Wakil dari Denmark dan Republik Hellenic Greece turut menyuarakan sokongan terhadap Somalia, selari dengan majoriti besar ahli Majlis Keselamatan yang lain. - ©BERNAMA

Jepun rekod bilangan tertinggi tangkapan beruang dari April hingga Oktober 2025

TOKYO, 30 Dis. - Jepun mencatatkan jumlah tangkapan beruang tertinggi dalam sejarah antara April hingga Oktober 2025, didorong oleh peningkatan ketara kemunculan haiwan itu di kawasan kediaman, lapor Xinhua memetik Kementerian Alam Sekitar negara itu.

Sebanyak 9,867 ekor beruang ditangkap di 31 wilayah sepanjang tempoh berkenaan, iaitu jumlah tertinggi sejak statistik mula direkodkan pada tahun fiskal 2006, menurut kajian terbaharu kementerian itu.

Enam wilayah di rantau Tohoku di timur laut Jepun menyumbang kira-kira 70 peratus daripada jumlah keseluruhan, dengan Wilayah Akita mencatatkan angka tertinggi sebanyak 1,973 tangkapan, diikuti Aomori dan Fukushima masing-masing sekitar 1,150 ekor.

Kementerian berkenaan menyatakan peningkatan ketara itu berpunca daripada kekerapan beruang muncul di kawasan kediaman, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan penduduk.

Pada masa sama, jumlah pemburu yang berkeupayaan menangkap beruang dilaporkan merosot dengan ketara. Kementerian memaklumkan bilangan individu berlesen untuk menggunakan senjata api seperti raifal dan senapang patah menurun lebih 70 peratus, daripada 297,000 orang pada tahun fiskal 1985 kepada 84,400 orang pada tahun fiskal 2021.

Bagi menangani kekurangan itu, kerajaan pusat merancang untuk menyalurkan subsidi kos buruh kepada pihak berkuasa tempatan yang menggaji pemburu berlesen sebagai kakitangan kerajaan, lapor penyiar awam NHK.

Pihak berkuasa juga menasaskan untuk meningkatkan usaha penangkapan selepas beruang keluar daripada hibernasi pada musim bunga serta melaksanakan langkah berasaskan zon bagi memisahkan kawasan penempatan manusia daripada habitat beruang, menurut laporan itu. - ©BERNAMA

3 maut, 8 cedera dilanggar bas di Mumbai, Republik India

NEW DELHI, 30 Dis. - Sekurang-kurangnya tiga orang, termasuk dua wanita, maut manakala lapan lagi cedera apabila sebuah bas melanggar mereka di bandar Mumbai, Republik India, di negeri barat daya Maharashtra pada Isnin malam, lapor Xinhua memetik pihak polis tempatan.

Menurut seorang pegawai polis, semua mangsa yang cedera telah dikejarkan ke hospital berhampiran, dengan beberapa daripada mereka berada dalam keadaan kritikal.

Kejadian itu dilaporkan berlaku kira-kira 10.05 malam di Jalan Stesen Kereta Api yang sibuk di kawasan Bhandup, Mumbai. Pemandu bas berkenaan telah ditahan. - ©BERNAMA

Penyerang Sydney tidak terlibat dalam kumpulan penganas, kata polis

CANBERRA, 30 Dis. - Individu yang didakwa terlibat dalam insiden tembakan maut di Pantai Bondi, Sydney awal bulan ini bertindak secara bersendirian dan bukan sebahagian daripada kumpulan penganas yang lebih besar, kata pihak berkuasa pada Selasa, lapor Xinhua.

Pesuruhjaya Polis Persekutuan Australia (AFP) Krissy Barrett berkata pada sidang media di Canberra bahawa tiada bukti menunjukkan suspek terbabit merupakan sebahagian daripada "kumpulan penganas yang lebih besar" atau diarahkan oleh pihak lain untuk melaksanakan serangan tembakan yang mengorbankan 15 orang di Pantai Bondi, Sydney pada 14 Disember lalu.

Beliau berkata siasatan bersama Polis Persekutuan Australia dan Polis Kebangsaan Filipina mengesahkan bahawa Sajid Akram, 50, yang ditembak mati oleh polis di lokasi kejadian, dan anak lelakinya berusia 24 tahun, Naveed Akram, telah berada di Republik Filipina dari 1 hingga 29 November.

AFP kini masih meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV), namun Barrett berkata kedua-dua individu itu jarang meninggalkan penginapan mereka di Bandar Davao dan tidak menerima sebarang latihan atau persediaan logistik bagi melakukan serangan semasa berada di Republik Filipina.

"Namun, saya ingin jelaskan bahawa saya tidak menyatakan mereka berada di sana untuk tujuan pelancongan," katanya. - ©BERNAMA



PUPUK GAYA HIDUP SIHAT MELALUI SUKAN BERBASIKAL



PEMANGKU Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara Serasa, Awang Abdul Hamid bin Haji Zinin turut menyertai Acara Kayuhan Berbasikal Santai Akhir Tahun 2025 yang bermula dari kawasan tanah lapang Samaian Jalan Kumbang Pasang, mengayuh basikal secara santai sejauh 30 kilometer.

Emas, Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Jalan Lumapas dan Pos Kawalan Imigresen Kampung Lumapas dan balik melalui jalan yang sama hingga sampai ke barisan penamat.

Meskipun ada sedikit keletihan namun jelas terpancar di wajah peserta penuh keceriaan dan terhibur berikutan semangat setia kawan telah dibina dengan berbasikal bersama-sama dalam satu pasukan.

Adanya aktiviti seumpama ini tentunya mempererat silaturahmi dan perpaduan dalam kalangan mereka sekali gus memupuk gaya hidup yang lebih sihat melalui sukan berbasikal.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Zainal Abidin Sahari

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Disember. - Kira-kira 20 penggemar sukan berbasikal telah memeriahkan dengan mengikuti acara Kayuhan Berbasikal Santai Akhir Tahun 2025 sebelum tertutupnya tirai tahun ini yang hanya tinggal sehari saja lagi.

Selain dari Daerah Brunei dan Muara, penyertaan yang datang juga dari Daerah Tutong dan Belait turut disertai oleh Pemangku Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara Serasa, Awang Abdul Hamid bin Haji Zinin bergabung sama mengayuh basikal secara santai sejauh

30 kilometer.

Kayuhan bermula dari kawasan tanah lapang Samaian Jalan Kumbang Pasang dan diketuai oleh Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Sapar dan Ketua Marshal ialah Awang Zainal bin Haji Jumaat.

Sepanjang kayuhan santai dijalankan, para peserta telah melalui Jalan Sekolah, Jalan Tasek, Jalan Kianggeh, Jalan Residency, kawasan Taman Mahkota Jubli

Persekutuan Renang Malaysia, Anderson berpisah selepas Sukan SEA

KUALA LUMPUR, 30 Dis. - Persekutuan Renang Malaysia (MAS) dan Ketua Jurulatih Kebangsaan, Eric Anderson, bersetuju untuk menamatkan kerjasama secara bersama berkuat kuasa esok (31 Disember), susulan berakhirnya kempen Sukan SEA Thailand 2025.

MAS dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan keputusan itu dicapai apabila kedua-dua pihak bersedia melangkah ke fasa seterusnya dalam

laluhan masing-masing.

"MAS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Eric atas sumbangan serta khidmat baktinya kepada pembangunan sukan akuatik negara, selain mendoakan kejayaan beliau dalam usaha akan datang," menurut kenyataan itu.

Sebagai sebahagian daripada proses peralihan, MAS memaklumkan pihaknya telah melaksanakan pengaturan program

interim bagi memastikan kesinambungan, kestabilan serta kebajikan atlet".

MAS turut memaklumkan sebarang perkembangan lanjut berkaitan program renang kebangsaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

"MAS kekal komited untuk terus menyokong atlet serta memperkukuh program prestasi tinggi kebangsaan sebagai persediaan menghadapi kejohanan antarabangsa akan datang,"

menurut kenyataan itu.

Pada Sukan SEA 2025 yang baru berakhir, skuad renang negara meraih dua pingat emas, tiga perak dan lima gangsa, sekali gus memperbaiki pencapaian pada edisi 2023 di Kemboja yang menyaksikan satu pingat emas, tiga perak dan empat gangsa. Anderson dilantik sebagai ketua jurulatih kebangsaan pada Januari tahun lalu. - ©BERNAMA

Skuad boling padang negara raih kejuaraan berganda di Republik Rakyat China

KUALA LUMPUR, 29 Dis. - Pasukan boling padang negara menutup tirai 2025 dengan gemilang apabila meraih kejayaan berganda di pentas antarabangsa menerusi Kejohanan Boling Padang Terbuka China 2025 dan Jemputan Boling Padang Dunia Tiger 2025 yang berlangsung di Hangzhou, Republik Rakyat China baru-baru ini.

Presiden Persekutuan Boling Padang Malaysia (PLBM) Datuk Awalan Abdul Aziz berkata kejayaan menjuarai dua kejohanan

utama di Republik Rakyat China membuktikan kekuatan pasukan negara dalam mengekalkan reputasi sebagai antara pasukan terbaik Asia.

Beliau berkata keupayaan mengharungi dua kejohanan secara berturut-turut menunjukkan tahap kekuatan para atlet negara daripada aspek ketahanan mental, semangat berpasukan dan konsistensi prestasi.

"PLBM amat berbangga dan yakin prestasi ini mampu diteruskan pada

kejohanan antarabangsa akan datang," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Pada Kejohanan Boling Padang Terbuka China 2025 yang berakhir semalam, Malaysia memenangi pingat emas Men's Fours selepas mengatasi pasukan tuan rumah Zhu Hai sementara skuad wanita negara berjaya ke final Women's Fours sebelum tewas kepada Zhong Ti Time sekali gus membawa pulang perak.

Skuad wanita negara pula dinobatkan

sebagai juara Women's Fours pada Jemputan Boling Padang Dunia Tiger 2025 yang berlangsung dua hari sebelum itu manakala pasukan lelaki terpaksa berpuas hati sebagai naib juara Men's Fours.

Sebagai rekod, kedua-dua kejohanan dianjurkan secara berturut-turut buat pertama kali di Republik Rakyat China sekali gus menguji tahap kecergasan fizikal, fokus dan konsistensi atlet negara sepanjang jadual pertandingan yang padat. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JANA SEMANGAT BAHARU KE ARAH KECEMERLANGAN HIDUP, PERBAIKI IMAN